

WILAYAHKU

MEDIA WARGA KOTA

PERCUMA

Jangan langkau
sempadan

3R

Saba Nong Sakti
angkat elemen seni budaya
berusia 700 tahun

►► 9 - 11

Hayati erti kemerdekaan,
kunjungi 4 lokasi
bersejarah di KL

►► 15

Pro Tech Fishing Shop
'syurga' kaki pancing
di Labuan

►► 21

Kerajaan telus teliti kadar upah penghantar p-hailing

HAZIRAH HALIM

KERAJAAN Perpaduan sentiasa peka terhadap isu kebajikan pekerja *parcel hailing* (*p-hailing*) dan terus komited dalam usaha memelihara kesejahteraan golongan berkenaan di samping memastikan kemampaman pembangunan industri *p-hailing* selaras dengan konsep Malaysia Madani.

Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** berkata syarikat pengendali perkhidmatan *p-hailing* telah memberikan komitmen untuk lebih telus dalam penentuan dan pengiraan upah serta meneliti dan memperhalusi lebih lanjut akan pandangan daripada pihak penghantar berhubung penentuan dan pengiraan kadar upah.

"Penelitian lanjut ini penting dalam menambah baik kadar upah penghantar, kepentingan pengguna khususnya di kawasan luar bandar harus kekal diutamakan agar tidak terbeban di samping turut mengambil kira keupayaan syarikat," kata beliau dalam satu



ANWAR ketika sesi perjumpaan bersama 24 syarikat Pengendali Perkhidmatan Parcel Hailing (*p-hailing*).

kenyataan.

Beliau berkata komitmen itu disuarakan menerusi pertemuan dengan 24 syarikat pengendali perkhidmatan berkenaan yang juga dihadiri oleh lima orang wakil penghantar untuk menyatakan

pandangan dan mendengar maklum balas pihak syarikat di Bangunan Perdana Putra pada Selasa.

Turut hadir dalam sesi tersebut Menteri Pengangkutan, Anthony Loke; Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil; Menteri

Sumber Manusia, V.Sivakumar serta pegawai kanan kementerian.

Pada 22 Julai lalu, Anwar menyatakan beliau akan memanggil semua syarikat pengendali *p-hailing* bagi memberikan penjelasan terhadap beberapa isu dihadapi

Dasar Gaji Progresif lonjakan ke arah pemulihan pasaran pekerja Malaysia

ISU gaji merupakan perkara pokok yang tidak boleh diabaikan oleh mana-mana pihak. Ini kerana, berdasarkan Laporan Statistik Upah Pekerja (Sektor Formal) Suku Pertama 2023 yang dibentangkan pada minggu lepas, lebih dua juta pekerja Malaysia masih berpendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan.

Situasi tersebut lebih membimbangkan buat golongan muda antara umur 20 hingga 24 tahun di mana gaji penengah mereka hanyalah RM1,682 sebulan dan bagi kebanyakan pekerja Malaysia, gaji hanya akan meningkat kepada RM3,500 pada paras tertinggi sekitar umur 40 hingga 49 tahun sepanjang kerjaya mereka.

Justeru itu, Perdana Menteri, **Datuk Seri Anwar Ibrahim** bersama Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) mengadakan mesyuarat bagi membincangkan tentang cadangan Dasar Gaji Progresif (*Progressive Wage Policy*) pada Isnin.

"MTEN berpandangan bahawa Dasar Gaji Progresif merupakan salah satu reformasi pasaran pekerja untuk memastikan pekerja Malaysia tidak dibebankan dengan kos sara hidup dan dapat menikmati pekerjaan dengan gaji yang bermaruah demi kesejahteraan rakyat dan mencapai agenda mengangkat ekonomi negara.

"Dasar Gaji Progresif dengan ciri



SEBANYAK 62 peratus pekerja dan 80 peratus syarikat menyambut baik cadangan Dasar Gaji Progresif. - Gambar hiasan

ini adalah bersifat sukarela (*voluntary*), berteraskan insentif (*incentive-based*) dan terkait dengan produktiviti (*productivity-linked*)," jelas Anwar dalam satu kenyataan.

Menurut Anwar, model dasar ini diusulkan setelah MTEN mengambil kira pandangan dan kepentingan pihak majikan dan pekerja serta ia juga merupakan pelengkap kepada dasar gaji minimum akan disusuli dengan garis panduan gaji progresif tahunan bagi setiap sektor, pekerjaan dan peringkat.

"Sesi libat urus dan tinjauan awal telah menunjukkan sebanyak 62 peratus pekerja dan 80 peratus syarikat menyambut baik cadangan Dasar Gaji Progresif dengan ciri

yang dinyatakan," jelas beliau.

Beliau berkata MTEN berharap dasar ini akan menerima sambutan serta penyertaan sebanyak mungkin syarikat dan pekerja. Langkah selanjutnya adalah sesi perbincangan serta libat urus dengan pihak berkepentingan, terutamanya para pemain industri, perniagaan dan pekerja.

Jelas beliau, perkara tersebut akan dibawa ke Jemaah Menteri bagi memperhalusi mekanisma pelaksanaan secara berperingkat dan meneroka keperluan untuk memperuntukkan dana sebagai insentif berdasarkan kedudukan kewangan kerajaan dan keperluan dasar. **WK**

penghantar makanan dan barang.

Ia berikut selepas salah seorang penghantar makanan menerusi Program Sesi Temu Anwar sempena Program Himpunan Rider Madani Selangor mendakwa kadar penghantaran ketika ini semakin menurun daripada RM7 ke bawah sekali gus mengurangkan pendapatan mereka.

Setelah mendengar pandangan dan keluhan kedua-dua belah pihak, Kerajaan Perpaduan bersetuju untuk meningkatkan peruntukan bagi inisiatif dan latihan peningkatan kemahiran (*upskilling*) yang diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM).

Semasa pertemuan tersebut juga, Anwar tidak hanya menyampaikan keluhan penghantar terkait dengan isu kadar upah penghantaran malah turut membincangkan beberapa perkara berkisar tentang pendapatan penghantar, jaringan keselamatan sosial serta keperluan latihan peningkatan kemahiran (*upskilling*).

Dalam masa yang sama, Anwar turut mendengar pandangan dan aduan daripada syarikat pengendali di luar Lembah Klang yang tertumpu kepada perkhidmatan di luar bandar.

Secara jelasnya, Anwar berkata ikhtiar ini membuktikan kerajaan peka dan mengambil berat akan kepentingan semua pihak dalam meningkatkan penjanjana pendapatan rakyat dan memastikan kesinambungan perniagaan. **WK**

Tren tambahan ETS mampu tingkat peratusan pengundi

LANGKAH Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) menyediakan perkhidmatan tambahan tren elektrik (ETS) bagi laluan Padang Besar-KL Sentral-Padang Besar sempena Pilihan Raya Negeri (PRN) dijangka mampu meningkatkan jumlah peratusan pengundi.

Pena m b a h a n perkhidmatan itu memberi keleongan kepada eksekutif syarikat pelaburan Syifa Ardani Roslan, 26, yang akan pulang ke kampung halamannya di Sungai Petani, Kedah bagi melaksanakan tanggungjawab sebagai pengundi.

"Inisiatif ini dapat memberi lebih banyak peluang kepada pengguna untuk pulang mengundi kerana kebiasaannya tiket tren agak terhad dan habis terjual dengan cepat semasa musim pilihan raya atau cuti," katanya.

Pekerja swasta di ibu negara, Low Si Ling, 24, berkata perkhidmatan tambahan tren itu yang turut dibuka sempena cuti sekolah akan datang, membolehkannya bercuti ke Pulau Pinang tanpa perlu

memandu selama empat jam ke negeri itu.

"Sebelum ini saya pergi bercuti dengan memandu kenderaan sendiri, tetapi dengan adanya perkhidmatan tambahan ini saya boleh ke utara menggunakan ETS tanpa perlu menempuh kesesakan jalan raya," katanya.

Sementara itu, jurucakap KTMB semasa dihubungi Bernama hari ini berkata 89 peratus tiket ETS bagi perkhidmatan tambahan sempena PRN telah terjual setakat ini, manakala untuk cuti sekolah sebanyak 51 peratus terjual daripada 8,190 tiket yang ditawarkan.

Pada Jumaat lepas, KTMB memaklumkan akan menyediakan dua perkhidmatan tambahan ETS bagi laluan Padang Besar-KL Sentral pada 11 pagi dan dari KL Sentral-Padang Besar pada 5.05 petang sempena PRN dan cuti sekolah.

Perkhidmatan tambahan itu akan beroperasi selama tiga hari bermula 11 hingga 13 Ogos untuk PRN dan 10 hari bermula 25 Ogos hingga 3 September sempena cuti sekolah. - **BERNAMA**

Usah pecah belah keharmonian rakyat

DARI MUKA HADAPAN

AINI MAWAWI

SEMUA pihak dilarang untuk menyentuh isu berkaitan 3R (agama, kaum dan raja) bagi meraih undi dalam pilihan raya kerana ia adalah isu sensitif yang cukup menyentuh perasaan pengundi lebih-lebih lagi ketika musim Pilihan Raya Negeri (PRN) 2023.

Bercakap mengenai perkara itu, Peguam Dr Zulqarnain Lukman berkata isu tersebut sangat melekat kepada mereka yang baru menjadi pengundi dan belum menggunakan pertimbangan dengan sewajarnya.



ZULQARNAIN

"Pengundi akan marah kepada satu pihak yang lain dan akhirnya memberi undi kepada mereka. Begitu juga, isu ini akan termakan kepada pengundi luar bandar yang mungkin tidak terdedah dengan suasana masyarakat majmuk dan hanya hidup dalam kalangan satu bangsa sahaja."

"Oleh kerana itulah pihak pembangkang nampak sangat galak memainkan isu 3R ini meskipun telah dilarang oleh pihak



HAL berkaitan raja-raja tidak boleh disentuh dalam meraih undi kerana raja-raja adalah berkecuali daripada politik.

polis khususnya bagi PRN 2023 kerana mereka tahu isu ini cukup berpengaruh.

"Sebagai contoh, kita hidup sebagai satu masyarakat majmuk perlu ada toleransi kaum dan budaya yang mana perlu saling percaya dan mempercayai. Kita telah melihat kesan peristiwa 13 Mei 1969 apabila diuar-uarkan bangsa Cina telah menguasai Semenanjung yang akhirnya menyebabkan berlakunya pertempuran antara kaum.

"Begini juga, hal agama adalah hal sensitif selain hal berkaitan raja-raja juga tidak boleh disentuh kerana raja-raja adalah berkecuali daripada politik. Raja adalah payung bagi seluruh rakyat dan bukan untuk parti-parti tertentu," ujar beliau kepada *Wilayahku*.

Tambah beliau, bagi mengatasih hal itu, pihak berkuasa perlu tegas untuk menguatkuasakan peruntukan undang-undang yang ada untuk mengelakkan daripada

isu tersebut dimanipulasikan.

"Maksud bertegas ini adalah pihak berkuasa seperti pihak polis perlu segera menangkap pihak yang memainkan isu ini dan menahan reman mereka bagi membuat siasatan. Masyarakat yang tidak matang tidak tahu bahawa kata-kata mereka itu akan mencetuskan masalah perkauman."

"Dalam masa yang sama, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

juga perlu bertindak pantas untuk menurunkan apa-apa status di media sosial yang membangkitkan isu ini dan menyekat pemilik media sosial daripada membuat hantaran lain.

"Selain itu, pihak Peguam Negara juga perlu segera mendakwa mereka yang terlibat untuk menjadi pengajar selain pihak mahkamah perlu mengutamakan perbicaraan kes seperti ini. Jika terbukti, perlu mengenakan hukuman yang berat ke atas pesalah bagi menjadi satu pengajar yang disebut sebagai hukuman deteren, iaitu hukuman yang akan mencegah orang lain daripada meniru perbuatan yang sama," tegas beliau.

Kata beliau lagi, sudah sampai waktunya kerajaan memperkenalkan satu akta yang mencegah perbuatan untuk mengapi-apikan perkauman, bangsa, agama dan raja-raja di mana akta seperti itu dikenali sebagai Akta Anti Kebencian Tutur Kata (Anti Hate Speech Law).

Terdahulu, akta berkaitan 3R adalah Akta Hasutan 1948 yang mencegah perbuatan untuk melakukan kecenderungan menghasut untuk membangkitkan perasaan kebencian kepada raja, institusi kehakiman, kerajaan dan lain-lain selain Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998 iaitu kesalahan membuat hantaran jelek di media sosial. WK

Kerajaan rangka program besar bagi mengurangkan tekanan hidup rakyat

KERAJAAN sedang merangka untuk melaksanakan program yang besar dan lebih baik bagi mengurangkan tekanan hidup rakyat dalam Belanjawan Madani kedua pada Oktober nanti.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata dalam program itu kerajaan turut berhasrat agar Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) memainkan peranan mengangkat martabat rakyat yang miskin.

"Kalau ditanya mengapa? Saya

berkata saban minggu bicara soal kemiskinan. Sebabnya kita orang Islam tahu tanggungjawab kita. Orang yang memakan harta anak yatim dan

tidak memelihara kepentingan orang miskin itu disebut dalam Al-Quran,

(sebagai) orang yang mendustakan agama. Ini soal yang berat jadi kalau saya sekarang ini ada amanah sebagai Perdana Menteri saya tidak boleh pandang ringan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Karnival Sahabat Usahawan Madani Amanah Ikhtiar Malaysia Wilayah Terengganu.

Anwar berkata beliau begitu bertekad untuk memperjuangkan nasib rakyat yang miskin kerana yakin martabat rakyat boleh diangkat sekiranya negara dipimpin oleh golongan yang prihatin dan

menolong rakyat miskin.

"Malaysia ini negara kaya. Dahulu ada balak berpuluhan-puluhan bilion ringgit, ada bijih timah, ada minyak dan gas tetapi belum tentu ada pemimpin yang penuh bertanggungjawab," katanya.

Sementara itu, Anwar turut meminta pengurusan AIM bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia mencari jalan meningkatkan mutu pendidikan anak-anak mereka (peserta) sebagai usaha untuk keluar dari belenggu kemiskinan.

"Terutamanya dalam bidang Sains dan Matematik. Tuan puhan kena

tahu, minat anak-anak kita dalam dua bidang ini semakin menurun, sedangkan ia bidang yang penting. Jadi kena cari jalan tambahan.

"Sebab anak-anak kita ini, kalau nak angkat kedudukan lebih baik dari dulu mesti melalui pendidikan yang baik. Sebab itu bila saya ambil

alih kerajaan, ini antara tumpuan saya," katanya.

Turut hadir, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Ewon Benedict dan Pengerusi Lembaga Pengarah AIM, Datuk Seri Dr Syed Hussain Syed Junid. - BERNAMA



ANWAR (lima dari kiri) pada Karnival Sahabat Usahawan Madani Amanah Ikhtiar Malaysia Wilayah Terengganu.

HADIAH	JOHAN	NAIB JOHAN	KETIGA	SAGUHATI	JUMLAH
1 FOLLOW	RM 1,500				
2 UPLOAD	RM 1,000				
3 TAG	RM 750				
	200 X S				

TERBUKA WARGANEGARA MALAYSIA SAHAJA

MALAYSIA MADANI

KL Street Jam suntik semangat patriotisme warga Malaysia

HAZIRAH HALIM

SEPANJANG bulan kemerdekaan 2023, pelbagai program dan aktiviti menarik dijalankan oleh semua pihak termasuk badan-badan korporat dan agensi kerajaan khusus untuk menyemarakkan bulan tersebut.

Tidak terkecuali, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) turut menganjurkan Program KL Street Jam: Ekspresi Muzik Kuala Lumpur pada malam Sabtu (5 Ogos) lalu bertempat di Jalan Raja, Dataran Merdeka.

Program anjuran Jabatan Kebudayaan, Kesenian, Pelancongan dan Sukan DBKL itu menyajikan hiburan secara santai dan percuma kepada warga kota termasuk pengunjung yang melawati lokasi ikonik tersebut.

Menurut DBKL, edisi kali ini mendapat kerjasama daripada Kumpulan Kombo Budaya dan Artis Budaya DBKL selain turut dijayaikan dengan persembahan daripada beberapa artis terkemuka antaranya Syafiq Farhain, Umarul IKLIM, Alim KRIS, Datin Ramziela dan Shafie



PENGUNJUNG dari dalam dan luar negara membanjiri Dataran Merdeka sempena Program KL Street Jam: Ekspresi Muzik Kuala Lumpur pada 5 Ogos lalu.

Rio.

"Program ini berlangsung meriah dengan kehadiran ramai pengunjung dari dalam dan luar negara yang bersama-sama memperkenalkan semangat patriotik dan rasa cinta terhadap tanah air.

"Lebih meriah, para penonton yang hadir turut sama mengibarkan

Jalur Gemilang tatkala lagu-lagu patriotik dinyanyikan oleh penyanyi-penya jemputan.

"Terima kasih kepada para penonton yang hadir menyaksikan KL Street Jam dari awal konser sehingga pukul 11 malam. Semoga mereka terhibur dengan persembahan yang disajikan pada malam tersebut," jelas DBKL edisi kali ini dimeriahkan dengan Kempen Kibar Jalur Gemilang yang bermula sejak 31 Julai lalu.

Ujar DBKL, program itu turut dimeriahkan dengan jualan makanan dan minuman oleh 30 buah food truck yang disediakan.

Terdahulu, Program KL Street Jam merupakan program hiburan santai bersama artis-artis terkenal tanah air yang dipentaskan secara percuma kepada warga kota serta pelancong asing yang datang melawat Kuala Lumpur.

Ia bertujuan untuk mempromosi dan memperkenalkan lokasi ikonik negara iaitu Dataran Merdeka

sebagai pusat apresiasi seni bagi aktiviti-aktiviti seni dan budaya di Kuala Lumpur.

Dalam perkembangan lain, DBKL mengajak semua kanak-kanak warganegara Malaysia berusia enam hingga sembilan tahun untuk menyertai Pertandingan Pakaian Beragam Tekad Perpaduan sempena Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia tahun ini.

DBKL berkata antara syarat-syaratnya, peserta perlu memuat naik video memperagakan pakaian beragam menggunakan akaun TikTok (akaun dipublickan) dan tag @dbkl.tt atau akaun Instagram (akaun dipublickan) dan tag @dewanbandarayakualalumpur.

Gunakan #dbkltekadperpaduan dalam setiap penyertaan dan 20 peserta terpilih akan menyertai pusingan akhir pada awal September serta berpeluang memenangi RM1,000. Untuk maklumat lanjut boleh layari laman Facebook DBKL.

WK



ANDA BERBAKAT MENULIS BERITA?

Hantarkan sebarang berita menarik yang berlaku di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya atau Labuan.

Berita yang dihantar mestilah disertakan dengan foto atau rakaman video.


Berita dan gambar/video yang terpilih akan disiarkan di akhbar dan platform media sosial Wilayahku.

Setiap kandungan yang tersiar akan menerima bayaran sagu hati dan berpeluang menjadi Wartawan Komuniti (WK) Wilayahku.

Pastikan kiriman anda adalah asli dan tidak pernah disiarkan di mana-mana platform media lain.

Hantarkan kepada:

editorwilayahku@gmail.com



CERITA KEDAI KOPI

Jadi pemimpin, bukan bos

"JANGAN hanya memberi arahan kepada anak buah, tetapi menjadi seorang pemimpin dan bukan bos." Itu ingatan Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mohd Shuhaili Mohd Zain kepada ketua-ketua polis daerah (OCPD) Kuala Lumpur.

Beliau yang dilantik Ketua Polis Kuala Lumpur Mei lalu menegaskan, sebagai pemimpin, OCPD mesti berani membuat keputusan tidak popular bagi memastikan tidak berlaku kemudaratan dalam pasukan.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, ingatan yang diberikan oleh bekas Ketua Polis Pulau Pinang itu sangat bermakna dalam mengikis tanggapan bahawa ketua adalah bos dan hanya pandai memberi arahan atau perintah.

Sebaliknya mereka perlu menunjukkan kepimpinan melalui teladan untuk memastikan operasi organisasi berjalan lancar. Dengan cara ini ketua akan dihormati kerana sesungguhnya penghormatan itu mesti diterima, bukan diberi.

Mohd Shuhaili menekankan perkara tersebut

pada Majlis Serah Terima Tugas Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur baru-baru ini yang menyaksikan Datuk Azry Akmar Ayob secara rasmi dilantik ke jawatan tersebut, mengambil alih daripada pemangku, Habibi Majinji.

Dalam amanatnya, Mohd Shuhaili mahu pegawai dan anggota kontinjen Polis Kuala Lumpur segera berubah. Mereka mesti membuang salah laku sebelum ini dalam memastikan pasukan sentiasa mematuhi integriti.

Kawan-kawan Kedai Kopi setuju dengan gesaan beliau kerana kesilapan lalu seharusnya dijadikan pengajaran agar tidak berulang. Dalam pasukan polis, semua perlu bekerja sebagai satu pasukan yang gigih dan komited. Jika ada seseorang dalam pasukan gagal, kesemuanya dianggap gagal. Kegagalan ini akan berterusan jika pegawai dan anggota tidak bersedia mengubah perkara tidak baik.

Kawan-kawan Kedai Kopi berharap pesanan dan ingatan ini akan disemat dalam hati setiap anggota. Sebagai ibu negara Malaysia dan bandar raya yang berkembang maju setaraf bandar raya lain di dunia, banyak cabaran dihadapi oleh polis Kuala Lumpur dalam memastikan kesejahteraan dan ketenteraman awam terus terpelihara.

Semua ini *insya-Allah* akan dapat dilaksana

dengan jaya seandainya semua anggota bersatu hati melaksanakan amanah yang diberi. Kawan-kawan Kedai Kopi perhatikan sejak hanya beberapa bulan meneraju Kontinjen Polis Kuala Lumpur, Mohd Shuhaili telah melakukan beberapa tindakan proaktif.

Antaranya beliau melancarkan 'Operasi Hormat Undang-Undang Jalan Raya' sepanjang Julai lalu. Kempen bersepodu ini turut disertai Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Kawan-kawan Kedai Kopi berharap dalam usaha polis menjaga ketenteraman dan melindungi warga kota serta memberi perkhidmatan terbaik, warga kota juga akan membantu pasukan polis sebagai 'mata dan telinga'. Polis dan orang ramai berpisah tiada!

Kibar Jalur Gemilang

SEMPENA sambutan ulang tahun Hari Kebangsaan pada 31 Ogos ini, tunjukkan semangat sayang negara dengan memasang Jalur Gemilang di rumah, pejabat kerajaan dan swasta, kenderaan serta mana jua premis yang sesuai.

Inilah amalan setahun sekali yang harus dibuat atas kesedaran sendiri, bukan kerana arahan. Kawan-kawan Kedai Kopi lihat di Kuala

Lumpur khususnya kempen pasang bendera ini masih belum begitu rancak walaupun tarikh sambutan tidak lama lagi.

Sebagai menggalakkan pemasangan bendera ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengagihkan 32,500 Jalur Gemilang dalam pelbagai saiz kepada agensi kerajaan, pusat pengajian tinggi, badan bukan kerajaan (NGO), perumahan awam, persatuan peniaga dan penjaja serta pemandu teksi.

Selain itu, menurut Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Sr Kamarulzaman Mat Salleh, DBKL juga memasang 3,000 bunting berciri Jalur Gemilang di sepanjang jalan utama di bandar raya. Antaranya Jalan Sultan Ismail, Jalan Parliment, Jalan Kuching, Jalan Tun Razak dan Jalan Tuanku Abdul Rahman.

Kawan-kawan Kedai Kopi berharap, kibarkan bendera dengan sepenuh hati sebagai penghargaan kepada negara tercinta yang selama ini menjadi tempat kita berteduh dan mencari rezeki. Jangan kibar bendera hanya sekadar asal ada atau kerana terpaksa.

Kita tidak mahu lagi melihat ada yang memasang bendera yang sudah usang, malah ada yang sudah koyak. Sikap ini amat memalukan dan tidak menghormati Jalur Gemilang yang menjadi lambang kemegahan negara. Ingat, bendera kita adalah identiti kita.

Inilah Masanya! Cuti-Cuti Malaysia

Bersama Keluarga Tersayang




Kota Bharu, Kelantan

Hargai budaya dan warisan negara kita.
Inilah masanya!

cuti-cutি
MALAYSIA



Imbas Kod QR untuk
Risalah Digital Interaktif



www.malaysia.travel



Ikuti kami: Malaysia Truly Asia

Rawat kanser dengan pemeriksaan imun

DR RAFEEZUL MOHAMED

SISTEM imun memainkan peranan penting dalam menghalang badan kita daripada dijangkiti sebarang penyakit termasuk kanser.

Walau bagaimanapun, sel kanser mempunyai kebolehan untuk bersembunyi atau mengelak daripada dikesan serta dimusnahkan oleh sistem imun dan ini membolehkan sel-sel kanser terus berkembang.

Sistem imun sangat bergantung kepada sel T untuk membunuh sel kanser. Aktiviti sel T ini dikawal oleh pusat pemeriksaan imun di mana pusat pemeriksaan imun positif mengaktifkan sel T manakala pusat pemeriksaan imun negatif menghalang pengaktifan sel T.

Pemenang hadiah Nobel dalam bidang fisiologi atau perubatan 2018, Prof James P Allison dan Prof Tasuku Honjo telah mengenal pasti dua protein yang bertindak sebagai pusat pemeriksaan imun iaitu CTLA-4 dan PD-1 yang terletak di permukaan sel T.

Apabila kedua-dua protein ini berinteraksi dengan protein di permukaan sel kanser atau sel imun yang lain, fungsi sel T akan dinyahaktifkan dan tidak berupaya untuk menyerang sel kanser.

Rawatan anti-CTLA-4, anti-PD-1 dan anti-PDL-1 telah membawa perubahan penting dalam rawatan kanser pada hari ini. Rawatan ini merupakan salah satu jenis rawatan imunoterapi yang memanfaatkan sistem imun badan kita untuk melawan kanser.

Anti-CTLA-4 atau dikenali sebagai Ipilimumab (Yervoy®) adalah ubat yang bertujuan untuk menghalang fungsi molekul yang dikenali sebagai CTLA-4. Molekul ini bertindak sebagai brek dalam sistem imun yang menghalang tindak balas imun yang terlalu kuat.

Dengan melepaskan brek ini menggunakan ubat anti-CTLA-4 ini, sel T akan teraktif dan berfungsi dengan berkesan dalam melawan kanser. Ipilimumab ini telah berjaya memanjangkan hayat pesakit melanoma lanjut.

Anti-PD-1 dan anti-PDL-1 berfungsi dengan mekanisme yang sedikit berbeza berbanding anti-CTLA-4. PD-1 adalah molekul yang terdapat pada permukaan sel-sel imun yang berfungsi untuk menghalang aktiviti imun terhadap



DR RAFEEZUL



RAWATAN menggunakan perencat pusat pemeriksaan imun iaitu anti-CTLA-4, anti-PDL-1 serta gabungannya adalah satu kejayaan yang besar dalam rawatan kanser. - Gambar hiasan

sel kanser. Manakala, molekul PD-L1 ditemui di permukaan sel kanser dan akan berinteraksi dengan PD-1 pada sel imun.

Ubat anti-PD-1 seperti Pembrolizumab (Keytruda®) dan Nivolumab (Opdivo®) manakala ubat anti-PDL-1 seperti Atezolizumab (Tecentriq®), Avelumab (Bavencio®) dan Durvalumab (Imfinzi®) berfungsi untuk menghalang interaksi ini, mengaktifkan semula sel T untuk mengenali dan menyerang sel kanser. Dengan menghalang interaksi antara PD-1 dan PDL-1, ubat-ubatan ini akan merangsang sistem imun untuk mengenali sel kanser sebagai ancaman dan memusnahkannya.

Ubat anti-PD-1 and anti-PDL-1 ini telah digunakan untuk rawatan kanser pundi kencing, kanser payudara, kanser paru-paru sel bukan kecil, limfoma hodgkin dan melanoma.

Beberapa kajian terbaru telah menunjukkan bahawa gabungan rawatan perencat pusat pemeriksaan imun dengan rawatan kanser yang lain seperti kemoterapi, radioterapi atau terapi terarah seperti terapi target, boleh memberikan kesan sinergistik yang meningkatkan keberkesanannya terapi dan memberikan faedah yang lebih besar kepada pesakit.

Hal ini disumbangkan oleh

“ Walaupun kos rawatan terapi perencat pusat pemeriksaan imun ini mahal, namun keberkesanannya yang telah dibuktikan melalui kajian klinikal serta telah mendapat kelulusan dari Food and Drug Agency, Amerika Syarikat mendorong pesakit kanser yang berkemampuan untuk menjalani terapi menggunakan ubat perencat pusat pemeriksaan imun ini.

keupayaan perencat pusat pemeriksaan imun untuk mengaktifkan sistem imun tubuh untuk melawan sel kanser dengan lebih berkesan manakala rawatan lain turut berjaya memusnahkan atau menghalang pertumbuhan sel kanser.

Gabungan kedua-dua rawatan ini dapat memberikan kesan yang optimum, membantu mengawal perkembangan sel kanser dengan lebih baik dan meningkatkan keupayaan badan pesakit untuk mencapai tindak balas yang lebih baik terhadap rawatan yang diberikan.

Walau bagaimanapun, penting untuk diingat bahawa setiap pesakit kanser adalah unik dan keputusan mengenai rawatan gabungan

haruslah ditentukan oleh pasukan perubatan yang berkelayakan berdasarkan jenis kanser, tahap penyakit, faktor-faktor individu pesakit dan bukti klinikal yang sedia ada.

Walaupun rawatan perencat pusat pemeriksaan imun dan gabungannya ini memberi kesan positif kepada pesakit kanser, ia turut menyebabkan beberapa kesan sampingan tertentu.

Antara kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah pesakit kanser mengalami ruam kulit, gatal-gatal atau kemerahan kulit, gangguan pada saluran pencernaan yang menyebabkan pesakit mengalami loya, muntah, cirit-birit atau sakit perut, pesakit mungkin mengalami gangguan hati disebabkan oleh peningkatan enzim hati, pesakit mungkin juga mengalami perubahan fungsi tiroid yang boleh menyebabkan gejala seperti kelelahan, berat badan berubah dan gangguan suhu badan, serta reaksi imunologi lain yang menyebabkan masalah seperti keradangan pada organ-organ tertentu atau dikenali sebagai kejadian autoimun.

PASARAN GLOBAL

MENGIKUT data dari ‘The Business Research Company’, pasaran global bagi perencat pusat pemeriksaan imun ini telah meningkat dari USD23.93 bilion pada tahun 2022 kepada USD27.83 bilion pada tahun 2023.

Peningkatan permintaan ini disumbangkan oleh pertambahan kes kanser di seluruh dunia. Walau bagaimanapun, kos rawatan perencat pusat pemeriksaan imun yang tinggi dijangkakan mengehadkan permintaan terhadap ubat perencat pusat pemeriksaan imun ini.

Kos yang dilaporkan bagi dos lengkap terapi perencat pusat pemeriksaan imun yang diberi secara intravena adalah sekitar USD150,000 (RM690,000) sehingga USD250,000 (RM1,150,000).

Secara keseluruhannya, rawatan menggunakan perencat pusat pemeriksaan imun iaitu anti-CTLA-4, anti-PD-1 dan anti-PDL-1 serta gabungannya adalah satu kejayaan yang besar dalam rawatan kanser.

Ia memanfaatkan daya kekuatan sistem imun untuk melawan sel kanser dengan lebih berkesan, memberikan pilihan rawatan baru, dan memanjangkan hayat ramai pesakit kanser.

Walaupun kos rawatan terapi perencat pusat pemeriksaan imun ini mahal, namun keberkesanannya yang telah dibuktikan melalui kajian klinikal serta telah mendapat kelulusan daripada Food and Drug Agency, Amerika Syarikat mendorong pesakit kanser yang berkemampuan untuk menjalani terapi menggunakan ubat perencat pusat pemeriksaan imun ini.

PENULIS merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sains Bioperubatan, Institut Perubatan dan Pergigian Teraju, Universiti Sains Malaysia.

Ni Sajak

RAHSIA SEBUAH KARYA

*Hari demi hari
aku terus berkarya seperti dulu
hasilkan hantaran pesanan
keamanan manusia
mudah difahami umat sejagat*

*hari demi hari
aku memenat minda
menganyam diksi
janji-janji terkulun
bahasa indah*

*kekalkan warisan budaya bangsa
agar mampu merembes
kedamaian di marcapada*

OUI BIN SAL,
Tanah Merah

t.me/wilayahku

SERTAI SALURAN TELEGRAM

WILAYAHKU

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!

Jadikan kebersihan amalan hidup

KEBERSIHAN adalah aspek penting dalam membina kehidupan bahagia, sihat dan sejahtera. Tetapi sejauh manakah warga Wilayah Persekutuan khususnya dan masyarakat negara ini umumnya, memberi perhatian serius terhadap kebersihan dalam kehidupan sehari-hari?

Bukan sahaja diri sendiri secara fizikal mesti sentiasa bersih. Tetapi kebersihan persekitaran atau tempat tumpuan awam mesti dititik berat. Ringkasnya, kebersihan mesti merangkumi semua dan pada bila-bila masa.

Adi timbulkan isu ini kerana kesedaran terhadap kebersihan masih belum cukup tebal dalam diri ramai individu. Malah sehingga kini ia masih menjadi masalah yang membelenggu sebahagian besar rakyat negara ini. Mereka tidak menjadikan penjagaan kebersihan sebagai ciri utama yang perlu diamalkan.

Kerana itu kebersihan dan kesucian diambil mudah. Masuk ke tandas awam di Hentian Rehat dan Rawat (R&R) atau tempat awam banyak yang dikotori dengan sisa najis dan berbau busuk. Ada yang tidak peduli untuk membersih dan 'flush' tandas selepas digunakan.

Tidak kurang, di rumah ibadat seperti masjid atau surau pun gejala yang sama berlaku. Tandas tidak bersih dan berbau. Tiada langsung kesedaran dalam kalangan pengguna bahawa kebersihan itu sebahagian daripada iman seperti diajar dalam Islam.

Tiada minat untuk sama-sama menjaga kebersihan di rumah Allah sedangkan itu sangat dituntut oleh Islam. Tempat kita menyembah Allah sepatutnya mesti sentiasa bersih dan memberi keselesaan kepada para jemaah.

Perbuatan tidak peduli menjaga kebersihan ini menyerlahkan tiada langsung simpati kepada orang lain yang hendak menggunakan tandas. Juga tiada simpati kepada petugas R&R atau pihak masjid dan surau yang sepanjang masa membersihkan tandas demi keselesaan pengguna.

Ingat, mereka semua adalah pekerja yang diamanah menjaga



MENJAGA kebersihan dapat mewujudkan suasana yang kondusif kepada diri dan orang sekeliling. - Gambar hiasan

kebersihan. Petugas di R&R dibayar gaji sementara pekerja di masjid kebanyakannya menjalankan tugas secara sukarela. Dalam situasi apa pun tugas dan tanggungjawab mereka mesti dihormati.

Orang ramai tidak boleh sesuka hati membuat kotor. Sama ada pekerja bergaji atau sukarela, mereka bukan hamba yang bertugas membersihkan segala kekotoran yang dilakukan atau ditinggalkan orang lain.

Selain itu, memerhatikan persekitaran pula, Adi percaya ramai yang perasan kebersihan tidak dijaga dengan sebaik-baiknya. Sampah sarap dibuang merata-rata walaupun tong sampah disediakan. Pada mereka, lebih mudah buang sampah sesuka hati daripada bersusah payah mencari tong.

Golongan ini mempunyai mentaliti tidak mengapa berbuat kekotoran kerana akan ada yang mengutip sampah dan membersihkan sekeliling. Di Wilayah Persekutuan, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bertanggungjawab menjaga kebersihan dan keindahan ibu kota.

Bagi Adi, jika sentiasa ada

“Jika di rumah sendiri pandai jaga kebersihan, pegang sikap sama ketika di luar.

Jangan bersikap di rumah sendiri mesti bersih, di tempat lain tidak mengapa berbuat kotor.

sahaja kelompok yang merosakkan kebersihan sekitar, usaha DBKL menjadikan Kuala Lumpur bandar raya cantik permai sukar dicapai. Apa salahnya jika semua bersama-sama memastikan kebersihan dan keindahan sentiasa terpelihara?

Malang sekali dalam usaha negara menyediakan pelbagai kemudahan kelas pertama, ramai pula daripada pengguna yang berminda kelas ketiga. Minda tidak maju ini menyebabkan usaha memajukan negara juga terjejas. Inilah kesimpulan yang dapat Adi boleh buat.

Untuk berlaku adil, bukan semua, termasuk warga ibu kota, berperangai tidak senonoh. Masih ramai mempunyai tahap sivik yang tinggi. Tetapi sikap sebahagian daripada mereka yang tidak ambil peduli merosakkan segala sikap murni yang dimiliki oleh sebahagian yang lain.

Untuk menekankan betapa pentingnya aspek kebersihan ini, terutama daripada sudut agama Islam, khutbah Jumaat pada minggu lalu (4 Ogos) bagi masjid dan surau Jumaat di Wilayah Persekutuan membicarakan topik khas mengenai 'Kebersihan Asas Kesempurnaan Ibadah'.

Memetik khutbah tersebut, sesungguhnya Allah menyukai kebersihan dan keindahan serta meletakkan Islam sebagai agama dan jalan hidup atau *way of*

life menekankan aspek-aspek kebersihan dan keindahan dalam kehidupan umatnya.

Dalam Islam, kesucian amat penting, misalnya melalui amalan berwuduk dan mandi wajib sebagai cara mensucikan diri sebelum boleh melakukan ibadat seperti solat. Penekanan bukan sahaja terhadap kesucian jasmani tetapi juga memupuk kepada kesucian rohani agar tidak dicemari dengan sifat-sifat tercela atau mazmumah.

Bagi Adi, ini menjelaskan bahawa kebersihan mengandungi pengertian mendalam daripada sudut fizikal, mental dan rohani. Terasnya, Islam menekankan agar manusia hidup dalam keadaan bersih sepanjang masa dan menjauhi kekotoran.

Inilah yang sewajarnya diamalkan dalam kehidupan sehari-hari dengan aspek kebersihan sentiasa menjadi kunci panduan kehidupan. Sayangnya penghayatan dalam kalangan umat Islam sendiri tidak meresap di dalam kalbu.

Kerana itu mereka tidak menjaga kebersihan walau di masjid atau surau. Tandas tidak dibersihkan selepas diguna. Malah ada yang membuang sampah dalam lubang tandas. Bayangkan jika ramai yang berperangai begitu. Tandas bukan sahaja kotor tetapi rosak dan tersumbat. Bukankah jemaah juga yang susah jika keadaan seperti ini berlaku?

Di R&R, yang sepatutnya menjadi tempat berehat dan membersihkan diri, kerap kali tandas kotor dan berbau. Keadaan lebih ketara pada musim perayaan atau cuti sekolah di mana jumlah yang singgah berkali ganda ramainya. Selalunya tempat tujuan utama ialah tandas selain tempat makan.

Tetapi kerana ramai tidak

berdisiplin, tandas yang cantik bersih bertukar sebaliknya apabila digunakan dengan ganas oleh orang ramai. Selalu Adi berasa kasihan apabila melihat pekerja yang mencuci tandas dalam keadaan penat, bertambah penat dengan sikap pengguna. Namun mereka tetap menjalankan tugas dengan setia.

Di tempat awam seperti taman rekreasi atau padang permainan pun sering kelihatan aspek kebersihan diabaikan. Sampah dibuang merata-rata seolah-olah ada kuli yang akan datang mengutip. Langsung tidak ada rasa bersalah membuat kekotoran merata-rata.

Adi sering terfikir memang begitukah sikap mereka apabila berada di rumah sendiri? Adakah sampah dibuang di merata-rata ceruk rumah? Atau adakah jika di rumah sendiri pandai jaga kebersihan, apabila di luar sikap berubah?

Ingin Adi tekankan, bagi sesiapa yang memiliki sifat buruk suka buang sampah merata-rata, buat sahaja di kediaman sendiri, jangan kotorkan tempat awam jika berada di luar.

Jika di rumah sendiri pandai jaga kebersihan, pegang sikap sama ketika di luar. Jangan bersikap di rumah sendiri mesti bersih, di tempat lain tidak mengapa berbuat kotor.

Adi ingin menyeru warga Wilayah Persekutuan khususnya untuk sentiasa menjadikan kebersihan sebagai teman seharian. Dengan adanya semangat ini, tidak akan tergamak dalam hati untuk membuat kotor di mana-mana jua persekitaran, R&R, masjid dan surau serta sebagainya. Peganglah prinsip ini selagi hayat dikandung badan.

Adi—Bersih itu indah

Adi Taib

Sajak

LANTAI KATA-KATA

Setelah kata-kata itu jatuh ke lantai jari-jemari semakin sukar mengutipnya untuk dilekatkan semula ke bibir.

Pada penjuru bibir sepi kata-kata membina arcanya tohmanah demikian terkunci.

Kata-kata itu terus menghilang di sebalik bayang pancaran cahaya yang tulen kembali terang.

WARISAN PUTERI
Negeri Sembilan



SEBARANG bentuk penulisan seperti rencana, analisis isu, pendapat atau sajak boleh die-melkan kepada editor untuk siaran di dalam akhbar *Wilayahku*:

editorwilayahku@gmail.com



Lima keluarga tinggal sehelai sepingga terima bantuan

HAZIRAH HALIM

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) dengan kerjasama barisan kepimpinan bahagian Batu tampil menghulurkan sumbangan tunai (*one-off*) kepada lima buah keluarga yang terlibat dalam kebakaran di Taman Dato Senu, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Pengurus Besar Jabatan Pembangunan dan Kesejahteraan Komuniti YWP, **Zahrulail Abdul Rahman** berkata sumbangan itu bagi meringankan beban yang ditanggung di samping membantu keluarga terlibat untuk menampung keperluan harian.

“Seperti mana yang diketahui, YWP sentiasa menyantuni warga kota yang terlibat dalam kejadian bencana seperti kebakaran, banjir, ribut dan sebagainya. Pada 22 Julai lalu, kita dimaklumkan telah berlakunya kebakaran sehingga menyebabkan harta benda musnah dan rumah tidak boleh didiami.

“Saya juga difahamkan rata-rata mangsa tinggal sementara di rumah saudara-mara berikutnya pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (Bomba) masih menjalankan siasatan untuk mengetahui punca kebakaran.

“Justeru itu, YWP terpanggil



KEADAAN salah sebuah rumah yang terbakar dalam kejadian di Taman Dato Senu pada 22 Julai lalu.

untuk membantu di peringkat awal dan berharap agar sumbangan ini dapat meringankan beban yang ditanggung,” ujar beliau berharap mangsa terlibat akan turut dibantu pihak-pihak lain.

Terdahulu, kejadian kebakaran yang berlaku pada pukul 11 pagi itu menyebabkan beberapa bahagian di

kediaman mangsa terbabit hangus dijilat api.

Sementara itu, Pengurus Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Bahagian Batu merangkap Setiausaha Sulit epada Ahli Parlimen Batu, Hafiz Solkapi berkata pihaknya akan terus membantu menghulurkan bantuan selanjutnya

kepada mangsa-mangsa terlibat.

“Di peringkat parlimen, kita turut memberikan bantuan wang ringgit kepada setiap keluarga, walau bagaimanapun kami juga memanjangkan permohonan bantuan kepada pihak-pihak lain.

“Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada YWP di atas

Info ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000

Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8887 7000
Aduan : 03-8887 3000

Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852

Jabatan Agama Islam KL
03-2274 9333

Jabatan Agama Islam Putrajaya
03-8884 2600

Jabatan Agama Islam Labuan
087-415 311

Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

jasa baik menghulurkan sumbangan lebih awal kepada kesemua keluarga yang terlibat,” kata beliau.

Terdahulu, Zahrulail selaku wakil YWP turun menghulurkan sumbangan kepada lima buah keluarga terlibat bersama Hafiz Solkapi dan Pengurus MPP Sub Zon 2, Mejar Johari Baba.

Dalam perkembangan lain, YWP turut menghulurkan sumbangan bantuan tunai (*one-off*) kepada tiga keluarga yang turut terlibat dalam kebakaran di Jalan Raja Uda, Kampung Baru baru-baru ini. **WK**

MyCC, MCMC jalin kerjasama tangani isu platform digital secara tuntas

SURUHANJAYA Persaingan Malaysia (MyCC) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menjalinkan kerjasama melalui Memorandum Persefahaman (MoU) bagi membantu membendung masalah pengguna termasuk penipuan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN), **Senator Fuziah Salleh** berkata MoU tersebut akan mewujudkan sinergi yang membolehkan penyelarasan dan penguatkuasaan bersama yang lebih baik antara kedua-dua belah pihak.

“Selain itu, isu peningkatan kos sara hidup masyarakat antara fokus utama kerajaan dan ia bukanlah di bawah tanggungjawab KPDN sahaja sebaliknya ia memerlukan sokongan dan usaha bersama daripada pelbagai kementerian dan agensi kerajaan.

“Banyak faktor yang menyumbang kepada kos sara hidup iaitu kebolehcapaian perkhidmatan digital, persaingan dan kecekapan telekomunikasi. Namun, secara tidak langsung kerjasama ini menangani aspek cabaran yang dihadapi rakyat Malaysia,” ujar beliau ketika merasmikan Majlis MoU antara



FUZIAH

MyCC dan MCMC di Auditorium Azman Hashim, Bangunan AICB, Kuala Lumpur.

Tambah Fuziah, ia juga merupakan satu peristiwa penting ke arah mendepani aspek ekonomi digital yang lebih kompetitif dan tidak hanya membawa kebaikan dalam perniagaan dan industri sebaliknya kedua-dua pihak harus terus bekerjasama dan berusaha dalam meningkatkan taraf hidup yang lebih selesa bertamasyarakat.

“Secara jelas, MoU ini tidak hanya tertumpu kepada aspek memperkuatkan kerjasama tetapi memastikan persaingan dalam pasaran untuk melindungi kebajikan pengguna di samping membuktikan komitmen kerajaan meningkatkan keberkesanan dasar ekonomi dan seterusnya melindungi kepentingan pengguna di negara ini menerusi dasar persaingan dan penguatkuasaan.

“Ia juga menunjukkan komitmen tidak berbelah bahagi kedua-dua pihak untuk terus bekerjasama dalam menangani isu persaingan yang semakin kompleks merangkumi bidang kuasa masing-masing selain turut menumpukan aspek persaingan dalam ekonomi digital,” ujar beliau.



MOHD HISHAMUDIN (dua dari kiri) dan Mohd Ali Hanafiah selepas menandatangani MoU di Auditorium Azman Hashim, Bangunan AICB, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Antara tumpuan utama jalinan kerjasama kedua-dua pihak ini adalah memastikan persaingan dalam pasaran bagi melindungi kebajikan pengguna, menangani isu persaingan yang berkaitan platform e-dagang dan penyediaan perkhidmatan kurier termasuk menangani pengaturan eksklusif antara penyedia perkhidmatan telekomunikasi dan pemaju harta tanah atau badan pengurusan bersama di bangunan kediaman bertingkat.

Terdahulu, MoU tersebut ditandatangani oleh Pengurus MyCC, Datuk Seri Mohd Hishamudin Yunus dan Ketua Pegawai Operasi MCMC, Datuk Mohd Ali Hanafiah Mohd Yunus.

Ia turut disaksikan Pengurus MCMC, Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din dan Ketua Pegawai Eksekutif MyCC, Iskandar Ismail.

Sebagai rekod, KPDN telah menerima lebih 20,000 aduan setakat 31 Julai lalu membabitkan

10 kategori kepenggunaan di mana 35 peratus daripada aduan adalah berkaitan transaksi dalam talian termasuk tidak mendapatkan produk atau perkhidmatan yang dijanjikan serta perkhidmatan tidak diterima namun aduan yang lebih kerap oleh pihak lain adalah mengenai harga dengan 4,995 aduan (19.42 peratus), perkhidmatan mengelirukan dengan 4,276 aduan (16.63 peratus) dan iklan mengelirukan dengan 1,326 aduan (5.16 peratus). **WK**

WILAYAHKU

Bil 223 . 11-17 OGOS 2023

WILAYAHKU
MEDIA WARGA KOTA

Saba Nong Sakti

angkat elemen seni budaya berusia 700 tahun



PANGGUNG Seni Tradisional atau lebih sinonim dengan singkatannya PST merupakan medium persembahan kesenian tradisional pelbagai kaum di Malaysia yang autentik dan klasik.

Terbaru, program di bawah inisiatif Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) ini mempersembahkan Teater Tradisional Saba Nong Sakti bagi memperlihatkan keunikan kesenian Saba kepada generasi muda hari ini.

SAMBUNGAN DI MUKA 10



PST2023 pelihara kepelbagaian seni budaya tradisional Malaysia



Foto: SYUQQREE DAIN

HAZIRAH HALIM

DARI MUKA 9

SETELAH 10 tahun menelusuri persembahan Panggung Seni Tradisional 2023 (PST) sejak mula diperkenalkan pada tahun 2013, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) kembali menganjurkan PST2023 di Dewan Tunku Abdul Rahman, Pusat Pelancongan Malaysia (MaTiC) dengan menyajikan lima genre pengisian menarik.

Penganjurannya bukan sekadar berjaya menarik kunjungan peminat seni tradisional tetapi ia merupakan medium pendedahan dan pembelajaran buat seluruh lapisan masyarakat khususnya generasi muda.

Timbalan Ketua Pengarah Kebudayaan dan Kesenian, **Rosnan Nordin** berkata pelaksanaan PST2023 adalah antara usaha JKKN mengangkat program-program perantisan seni budaya dari setiap negeri selaras dengan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan warisan yang perlu dikembangkan.

"Program perantisan JKKN ini telah bermula pada tahun 2005

sehingga kini yang mana ia memfokuskan untuk mengembangkan kesenian tempatan negeri dengan mewujudkan program tersebut sebagai pelapis kepada perkembangan industri seni tradisional tempatan.

"Tahun ini PST2023 menampilkan hasil karya lima kumpulan yang terdiri daripada Genius Seni Tari yang membawa Tarinspirasi Dendang Rakyat, Angka Fine Arts dengan Tala Natyam-Thr Dance Journey, Silk Road oleh Malaysian Chinesse Cultural Society (MCCS), Persatuan Seni dan Budaya Era Baru (MANES) dengan tajuk Kembara Boria- Satu Perjalanan serta Nong Sakti karya Persatuan Selampit Seni Terengganu.

"Kesemua pemilihan persembahan karya ini adalah daripada program perantisan yang kita lihat ia perlu diangkat dalam aspek pementasan. Contohnya, teater tradisional Saba Nong Sakti merupakan satu upacara perubatan dan kesenian yang hampir pupus di negeri Terengganu dan menariknya kesenian ini juga mempunyai pewaris tunggal iaitu Che Wan Noorsaidi atau Mok Zah.



ROSNAN

"Justeru itu, dengan mengangkat kembali kesenian warisan dahulu kala, PST2023 secara tidak langsung menjadi langkah pemeliharaan dan pengekalan seni warisan negara," katanya ketika ditemui *Wilayahku* ketika menghadiri tayangan pementasan Teater Nong Sakti baru bori ini.

Dalam masa yang sama, Rosnan berkata bukan mudah buat penggiat industri seni teater tradisional untuk menghasilkan karya yang relevan dan berkualiti setanding kesesuaian peredaran masa.

"Perubahan zaman ke arah dunia digitalisasi semestinya memberi cabaran besar. Jika benar karya seni tradisional ingin dipentaskan dan dipertontonkan kepada masyarakat, ia perlu diolah dan diterjemahkan dengan penggunaan bahasa yang mudah difahami namun mengekalkan elemen tradisional.

"Kita kena sedar bahawa zaman sekarang, kita bersaing dengan hiburan komersial dan dunia teknologi, jadi kesenian tradisional harus hidup dengan arus teknologi yang berkembang supaya ia tidak lapuk dek jumlah tontonan.

"zaman," ujar beliau jika tidak ia akan terpinggir dan dilupakan malah tidak diwarisi terutama dalam kalangan generasi muda.

KL LOKASI IKONIK GLOSARI SENI BUDAYA

KUALA Lumpur dipilih sebagai lokasi pilihan supaya menjadi pusat glosari seni budaya dan hab persembahan tradisional di rantaum serta salah satu produk pelancongan negara.

Sejak mula diperkenalkan di ibu kota bermula tahun 2013 sehingga tahun 2022, Panggung Seni Tradisional mendapat sambutan menggalakkan daripada seluruh masyarakat Malaysia di samping penyertaan daripada kumpulan dan persatuan.

Rosnan berkata sebanyak 77 buah kumpulan atau persatuan telah mengadakan persembahan di mana seramai 2,659 peserta telah terlibat manakala jumlah penonton saban tahun memperlihatkan peningkatan.

"Sehingga tahun 2022, seramai 38,722 orang telah menyaksikan persembahan PST secara fizikal malah ketika pelaksanaan secara maya juga pada 2020, kita menerima sebanyak 15,315 jumlah tontonan.

"Justeru itu, fokus selepas ini, kita mahu teater tradisional ini dikekalkan dan dipentaskan dengan suntikan elemen baharu misalnya melibatkan penghibur atau pelakon agar kesenian kepelbagaian warisan budaya negara ini tidak dilupakan," katanya yang mahu PST diteruskan dengan memperbanyakkan kesenian seni di seluruh semenanjung Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak.

Antara program PST2023 adalah Rampaian Tarian Rakyat (10 dan 11 Mac), Tarian Tradisional India (26 dan 27 Mei), Muzik dan Tarian Tradisional Cina (24 dan 25 Jun), Teater Tradisional Boria (22 dan 23 Julai) dan terbaharu Teater Tradisional Saba pada 4 dan 5 Ogos.

Terdahulu, program di bawah inisiatif Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui JKKN memperlihatkan komitmen Malaysia dalam melindungi warisan tidak ketara sejarah dengan Teras Ketiga Dasar Kebudayaan

Negara (DAKEN) iaitu memfokus kepada usaha pemeliharaan dan pemuliharaan warisan budaya.





Naskhah autentik kekal zaman-berzaman



DIANA AMIR

TEATER Tradisional Saba Nong Sakti dipilih untuk dipentaskan kerana keunikan kesenian Saba agar Masyarakat hari ini tidak melupakan kisah yang amat popular pada 700 tahun dahulu.

Pengarah Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara (JKKN) Terengganu, **Samsung Meli** berkata teater tersebut merupakan hasil karya daripada Persatuan Selampit Seni Negeri Terengganu di bawah arahan penggiat aktif seni teater Malaysia, Mohd Khairudin Hanippah.

"Saba pada asalnya merupakan satu upacara perubatan yang bertujuan untuk mengubati pelbagai jenis penyakit dan di dalam teater ini pokok saba itu digunakan sebagai

perlambangan dewa kayangan turun mengubati penyakit.

"Elemen-elemen seperti nyanyian, tarian dan pengucapan dialog antara penduang dan muda di awan menjadikan persembahan teater ini begitu menarik. Bagi mengekalkan dan membuka mentaliti orang ramai tentang kesenian saba, nong sakti digabung serta diterjemahkan ke dalam bentuk teater agar ia dapat dipertontonkan kepada semua lapisan masyarakat," katanya kepada *Wilayahku*.

Samsung berkata pemilihan naskhah ini adalah untuk memastikan kesenian tradisional khususnya autentik ini tidak terkubur dan mati begitu sahaja oleh kerana Che Wan Noorsaidi



SAMSURING

atau lebih dikenali sebagai Mok Zah merupakan satu-satunya pewaris kesenian saba.

"Dalam persembahan teater ini juga sebanyak 36 lagu rakyat dinyanyikan dengan pelbagai cerita yang setiap satunya bertujuan untuk mengubati penyakit. Selain itu, kita juga menyuntik elemen kepelbagaian

termasuk unsur jenaka dan isu semasa yang boleh dijadikan sebagai satu pengajaran serta tarikan buat golongan muda terutamanya.

"Di MaTiC ini juga merupakan pementasan kali kelima dan terbesar bagi teater saba di mana sebelum ini hanya diadakan di pentas kecil seperti Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), Kompleks JKKN Terengganu dan tempat

keramaian," ujarnya ini merupakan kali pertama kesenian saba dipentaskan luar dari negeri Terengganu.

Berkongsi keterujaannya apabila menerima sambutan menggalakkan pada dua hari tayangan teater saba, Samsung berkata ia adalah di luarjangkaan pihaknya kerana seni ini agak asing terutama mereka yang bukan dari Terengganu.

"Alhamdulillah kita menerima full house untuk kedua-dua hari tayangan dan diharapkan selepas ini kita dapat mengetengahkan ke program peringkat kebangsaan supaya bukan sahaja rakyat Terengganu malah seluruh Malaysia serta pelancong luar dapat turut sama menikmati kecantikan, kesempurnaan, keindahan dan keseronoran menonton teater saba.

"Kita juga sedaya upaya mengekalkan keaslian seni saba tapi dalam masa yang sama memastikan

orang ramai dapat menerima segala mesej yang disampaikan kerana itu penggunaan bahasa sepanjang teater adalah dialek Terengganu dan sekiranya kita menggunakan bahasa Melayu standard ia akan menghilangkan keindahan saba itu sendiri," jelasnya.

Berkongsi mengenai perancangan seterusnya, Samsung berkata pihaknya telah mengusulkan agar seni teater ini terus diangkat ke negeri-negeri lain.

"Mungkin selepas ini akan dibawa ke Negeri Sembilan pula. Kita akan cuba untuk mengangkat dan mengetengahkan lagi seni teater saba ini supaya ia menjadi malar segar serta pendedahan baru buat masyarakat kini," katanya yang mengharapkan orang ramai dapat mengetahui serba sedikit mengenai asal usul seni saba menerusi pementasan teater yang dipersembahkan. **WK**



“ MEMEGANG watak utama sebagai Nong Sakti sememangnya memberi cabaran besar buat saya kerana sebelum ini saya terlibat dengan pementasan teater sebagai penari latar sahaja.

Saya perlu bermain dengan pelbagai emosi seperti sedih, marah dan gembira. Pada awalnya memang sukar tapi setelah melakukan beberapa latihan, saya dapat bawa watak tersebut dengan berjaya."

NUR AININA AZMI
Pembawa watak Nong Sakti



“ SAYA gembira apabila watak Jalok diterima ramai dan dianggap sebagai penyeri suasana. Cerita Nong Sakti adalah sebuah kisah dahulu kala yang diangkat ke pementasan teater bagi membuka mentaliti orang ramai terhadap kesenian saba."

MOHD NUR IZZAT
MOHD IDRIS
Pembawa watak Jalok

“ TAHNIAH kepada pelakon dan kru terlibat. Ia bukanlah perkara mudah dan memerlukan komitmen apatah lagi apabila mempersembahkan cerita warisan budaya negara."

ZALIF SIDEK
Penonton





Konvoi KMJG 2023

semarakkan semangat patriotik negara




SYUQQREE DAIN

PROGRAM Konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang (KMJG) 2023 diadakan bersempena dengan Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2023. Acara pelepasan bagi Peringkat Negeri Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur & Putrajaya telah disempurnakan oleh Menteri Komunikasi dan Digital (KKD), Fahmi Fadil bertempat di Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu.

Konvoi KMJG 2023 mengekalkan konsep membawa Jalur Gemilang ke seluruh negara melalui

'Penyerahan Jalur Gemilang' antara satu negeri ke negeri yang lain di setiap sempadan negeri yang terlibat meliputi jarak lebih 3,000 kilometer. Setibanya di lokasi, Jalur Gemilang akan diserahkan kepada Pengarah Penerangan Negeri selaku Ketua Konvoi.

Pelaksanaan Konvoi KMJG dan penyerahan Jalur Gemilang ini bertujuan untuk menyemarakkan lagi Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2023 dalam kalangan komuniti setempat. Terdapat 132 'check point' iaitu 66 di Semenanjung Malaysia dan 66 lagi di Sabah, Sarawak serta WP Labuan yang juga sebagai simbolik kepada Sambutan Hari Kebangsaan yang ke-66 pada tahun ini. WK





Dulu diperlekeh... Kini Zoey ke peringkat antarabangsa



DEEL ANJER

BUKAN mudah untuk seseorang mencapai kejayaan jika tidak mempunyai hati dan mental yang kuat lebih-lebih lagi tidak ramai yang menyokong dan memberikan semangat untuk melangkah.

Begitulah yang dialami pelakon yang kini usahawan berjaya, **Zoey Rahman**. Dia mengakui pernah diperlekeh dan dipandang rendah oleh kawan sendiri ketika mula-mula menjual produknya, Mika Series.

Namun kini rangkaian produk



ZOEY RAHMAN

kecantikan dan penjagaan kulit yang mula diusahakannya sejak tahun 2018 telah memasuki 110 cawangan Watsons seluruh negara.

"Saya amat bersyukur dan kadang-kadang rasa nak menangis bila membayangkan betapa sukar saya sewaktu saya memulakan perniagaan ini dulu."

"Berbekalkan modal yang saya kumpul hasil keringat berlakon dan mengacara itulah saya gunakan untuk memulakan Mikaseries secara perlahan-lahan. Waktu itu hanya saya, pengurus dan kami dibantu seorang sahabat yang mahir tentang laman web dan grafik."

"Saya masih ingat lagi, ada kawan yang memperlekeh dan jadikan saya sebagai bahan ketawa. Kononnya impian saya untuk berjaya dalam bisnes produk hanya angan-angan kosong dan buang masa."

"Tipulah kalau saya cakap tak sedih atau kecewa. Niat saya baik mencari rezeki halal. Tapi saya tukarkan rasa sedih itu kepada semangat luar biasa," ujarnya mengakui masih di tahap 'merangkak' dan memerlukan sokongan pihak lain.

"Sebenarnya saya masih rasa banyak benda yang saya ingin capai dalam perniagaan. Cuma kadang-kadang saya rasa sedikit terkilan kerana perjalanan perniagaan saya ini seolah-olah tidak dipandang oleh pihak bertanggungjawab atau badan yang mengelola bantuan dari segi geran dan sebagainya."

"Bohong la kalau saya kata tidak memerlukan bantuan mereka, kalau tidak macam mana saya nak kembangkan perniagaan saya ke peringkat lebih tinggi?" luahnya.

Pun begitu Zoey turut

melahirkan rasa gembira kerana produk kosmetik pertama keluaran syarikatnya Mikaglo – Tinted Glowing Powder mendapat pengiktirafan sebagai Most Wanted produk (*In Recognition Of The Products Outstanding Performance In Watsons*) ketika acara Watsons HWB Awards 2023.

"Pengiktirafan ini buat saya rasa bangga kerana produk tempatan berjaya bersaing dengan produk-produk antarabangsa yang berada dalam senarai jualan di Watsons seluruh Malaysia."

"Selain itu juga Mikaseries baru sahaja melancarkan produk penjagaan kulit yang terdiri daripada serum, pelembab dan pelindung matahari spf 50+," katanya.

Menyentuh soal kerjaya, Zoey sebagai pelakon dan pengacara berharap tiada lagi tanggapan negatif seolah-olah dirinya meminta harga tinggi.

"Saya masih aktif dan minat untuk meneruskan kerjaya lakonan dan pengacaraan cuma masalahnya ialah tanggapan sesetengah pihak yang mengatakan saya tak nak berlakon lagi sebab dah jadi usahawan."

"Mereka fikir saya nak minta bayaran tinggi. Jujur saya katakan, kerjaya lakonan dan pengacaraan masih menjadi keutamaan kerana saya sangat minat dan sayang kerjaya ini."

"Saya harap pihak produksi yang nak panggil saya berlakon atau mengacara tak perlu bimbang kerana saya masih ingin teruskan kerjaya lakonan sementara tentang bayaran pulu, saya tak pernah meletakkan harga yang tinggi," katanya.

Sebelum ini, dia turut menerima beberapa pengiktirafan dalam perniagaan antaranya Best Unisex Cosmetic Product, Male Celebrity Entrepreneurs, Celebrity Entrepreneur Of The Year dan banyak lagi.

Eira bimbang Azad jadi mangsa penipuan emas

BANYAK kes penipuan atau *scammer* emas di luar sana sehingga membuat pelakon Eira Syazira lebih berhati-hati dan sentiasa mengingatkan suaminya, **Azad Jasmin** agar tidak terpedaya.

Azad mengaku pernah ditipu dan mennanggung kerugian namun minatnya dalam pelaburan emas tidak pernah pudar.

Menurut Azad, ketika menyampaikan hasrat itu, Eira tidak bersetuju kerana bimbang akan menjadi mangsa *scammer*.

"Jujurnya saya memang pernah ditipu sebelum ini dengan kerugian yang banyak juga jadi saya faham bila Eira tarik muka dan tidak bersetuju pada awalnya."

"Saya cuba yakinkan dia dan *Alhamdulillah* bila dia nampak saya bawa balik emas itu dalam bentuk fizikal dia mula senyum," katanya pada Majlis Menandatangi Perjanjian Persahaman (MoU) Quantum Metal (QM) Sdn Bhd dan Semboyan Malaysia, baru-baru ini.

Azad berkata tujuan dia membuat keputusan melabur emas adalah untuk simpanan masa depan dirinya dan keluarga.

Namun dia mengaku, mengambil iktibar daripada kesilapan lalu sekali gus membuat pemeriksaan mengenai pelaburan yang diceburi



EIRA & AZAD

ketika ini terlebih dahulu.

Dia yang juga rakan artis bagi QM berkata, sebelum bersetuju beberapa langkah turut diambil termasuk berjumpa dengan pihak Semboyan Malaysia.

"Saya jumpa sendiri dengan Pengerusinya, Yusof Azmi maklumlah Semboyan satu badan yang banyak membantu kes mengenai penipuan dan *scammer* termasuk pelaburan emas."

"Jadi saya jumpa untuk bertanya mengenai syarikat QM ini dan kami turun serta berjumpa dengan pengasasnya, Datuk Lim Khong Soon. Bila jumpa semua soalan yang ditanya boleh dijawab dengan jelas dan dia memberikan gambaran boleh percaya kepada kami semua," katanya.

Azad berkata mereka yang berminat perlu menggunakan saluran yang betul dan mendapatkan maklumat tepat agar tidak tertipu.

Lantaran itu, dia berkata usaha Semboyan mengadakan kerjasama dengan QM satu langkah yang baik dalam memberikan saluran betul kepada orang ramai untuk melabur emas.

"Kita faham ramai yang cari alternatif untuk menjana pendapatan dan ramai yang janji bulan bintang tapi pastikan ia realistik. Pada saya, emas ialah pelaburan yang tepat kerana sentiasa ada nilai sampai bila-bila," katanya.

Azad turut berkongsi berita gembira bahawa dia baru sahaja memperbaharui kontrak sebagai penyampai radio ERA FM sekali gus memilih untuk memberikan fokus kepada bidang radio dan pelaburan pada masa ini.

"Selain di radio selama lebih kurang setengah hari, saya juga bapa kepada tiga anak dara yang memang rapat dengan saya. Jadi saya perlu beri tumpuan kepada mereka," ujarnya yang setia menyokong kerjaya Eira yang kini berkembang ke Indonesia.

Walaupun cantik, Dolla sanggup berpanas

DOLLA yang dianggotai oleh empat gadis cantik mengaku sanggup melakukan apa sahaja demi memastikan yang terbaik dalam kerjaya.

Ramai yang tidak menyangka Dolla yang dianggotai oleh Wan Sabrina Wan Rusli atau Sabronzo, Tabitha Ariel Lam (Tabby), Angelina Chai Ka Ying (Angel) dan Noorsyasya Afiqah Shahrizal (Syasya) sanggup meredah panas dan hujan ketika penggambaran video muzik Damelo di padang pasir.

"Video muzik Damelo merupakan satu langkah besar buat kami. Ia menampilkan sisi lain kami yang lebih matang selain banyak unsur seperti padang pasir dan air dengan beberapa babak tarian juga."

"Kami mahukan sesuatu yang baharu dan luar biasa jadi kami cuba selitkan beberapa kejutan dalam video ini di mana kami berikan sepenuh

kepercayaan kepada Pyql dan Tessera Productions untuk menghasilkan watak penjahat Sepanyol.

"Ternyata video yang sangat hebat dan sesuai dengan lagu berjaya dihasilkan dan berharap peminat menyukainya. Kami terpaksa beraksi di padang pasir dan sebuah bengkel yang sangat panas. Bayangkan apabila kami terpaksa menari dan beraksi dengan lampu yang banyak selama berjam-jam di bawah sinar matahari."

"Pujian harus diberikan buat pasukan penerbitan serta para penari yang mampu bertahan dengan kepanasan namun masih kelihatan hebat dalam video," ujarnya ia merupakan pengalaman yang hebat berkat perancangan yang baik.

Lagu Damelo ditulis dalam bahasa Sepanyol pada asalnya, kemudian diolah ke dalam bahasa Malaysia dan Inggeris

oleh penyanyi rap wanita SYA dan diterbitkan oleh Joshua Tan atau lebih dikenali sebagai Hard Lights.

"Walaupun lagu ini ditulis dalam bahasa Malaysia dan Inggeris, kami masihkekalkan beberapa bahagian dalam Bahasa Sepanyol sebagai penghormatan kepada penulis asal karya ini. Kami juga terpaksa belajar sedikit sebanyak Bahasa Sepanyol daripada SonaOne dan adiknya untuk memastikan lagu ini disampaikan dengan betul."

"Jika anda mendengar lagu ini dengan betul, ia sebenarnya lagu kami yang paling feminin dan lantang bersuara mengenai pemerkasaan wanita," tambah Dolla yang berjaya memenangi Anugerah Kumpulan / Duo / Kolaborasi Popular di Anugerah Bintang Popular BH (ABPBH) yang ke-35. WK



DOLLA



Hayati erti kemerdekaan, kunjungi 4 lokasi bersejarah di KL

TARIKH keramat 31 Ogos 1957 merupakan detik bersejarah bagi negara kita apabila bebas daripada penjajahan kuasa asing. Sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, Malaysia pernah dijajah selama hampir 446 tahun. Generasi hari ini hidup dalam negara yang aman damai hasil daripada pengorbanan pejuang terdahulu. Jasa dan bakti mereka

mempertahankan tanah air sekali gus menuntut kemerdekaan tanah air tidak ternilai dengan kata-kata.

Sempena sambutan Hari Kemerdekaan yang ke 66-tahun, mari kita selami empat lokasi bersejarah di Kuala Lumpur yang menyimpan 1001 kisah tentang kemerdekaan Tanah Melayu sekali gus menyuburkan rasa cinta terhadap tanah air.

Dataran Merdeka

DATARAN Merdeka dahulunya dikenali sebagai Padang Kelab Selangor. Di sini merupakan lokasi bersejarah di mana bendera Union Jack diturunkan tepat pada pukul 6.30 petang dan bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan buat pertama kali pada tengah malam 31 Ogos 1957.

Laungan Merdeka sebanyak tujuh kali oleh Bapa Kemerdekaan Negara, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj bergema di padang tersebut disambut dengan penuh semangat dan emosi lebih 20,000 rakyat Tanah Melayu ketika itu.

Selama 28 tahun, Hari Kemerdekaan diraikan di Stadium Merdeka Kuala Lumpur sehingga pada tahun 1985, acara sambutan diadakan di Melaka dan secara tidak langsung selepas itu ia diadakan di seluruh Malaysia di mana Dataran Merdeka dan Putrajaya menjadi lokasi utama.

Di sini juga terdapat tiang bendera berketinggian 95 meter yang merupakan salah satu yang tertinggi di dunia selain plak marmar hitam yang menandakan lokasi bendera Persekutuan Tanah Melayu dinaikkan.



Bangunan Sultan Abdul Samad

TERLETAK di hadapan Dataran Merdeka dan Kelab Diraja Selangor, bangunan ini dinamakan bersempena nama Sultan Selangor pada masa ia mula dibina pada tahun 1894.

Ia dibuka secara rasmi pada 3 April 1897 oleh Residen Jeneral Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Frank Swettenham.

Di hadapan bangunan yang juga menjadi mercu terkenal di Kuala Lumpur ini juga beberapa peristiwa sejarah berlaku antaranya bendera

Union Jack diturunkan pada 31 Ogos 1957.

Ia juga merupakan di antara bangunan lama yang terdapat di Kuala Lumpur dan merupakan warisan yang masih dilindungi keaslian reka bentuknya.

Ia diwartakan sebagai Warisan Kebangsaan dalam kategori Tapak Warisan pada 2007 oleh Jabatan Warisan Negara, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia di bawah Akta 645.



Tugu Negara

TUGU Peringatan Negara atau juga dikenali sebagai Tugu Negara didirikan sebagai penghormatan kepada lebih 11,000 perajurit yang gugur dalam Perang Dunia Pertama (1914-1918), Perang Dunia Kedua (1939-1945) dan semasa Darurat (1948-1960). Ia terletak berhampiran dengan bangunan Parlimen.

Dibina dengan ketinggian 15 meter dan diperbuat daripada gangsa, ia direka oleh Felix de Weldon yang merupakan seorang pegukir dari Austria. Tugu Negara

ini juga merupakan arca berkumpulan yang tertinggi di dunia.

Pengganas komunis bertindak mengebom Tugu Negara pada 26 Ogos 1975. Antara penduduk yang mendengar letupan itu adalah Tunku Abdul Rahman yang tinggal berhampiran.

Kerja membaik pulih Tugu Peringatan Negara telah siap pada 11 April 1977 oleh Christoper Carney. Mulai tahun 2010, lokasi sambutan Hari Pahlawan dipindahkan dari Tugu Negara ke Putrajaya.



Stesen Merdeka

STESEN yang terletak di bawah Jalan Hang Jebat, bersebelahan dengan mercu tanda bersejarah iaitu Stadium Negara dan Stadium Merdeka memaparkan semangat kebangsaan.


Paparan dinding di dalam stesen digunakan untuk memperingati pengisytiharan Hari Kemerdekaan dan Rukun Negara. Tema ini diperlihatkan melalui beberapa ciri-ciri seperti sebuah dinding di aras lebar atas yang mengandungi prinsip-prinsip rukun negara.

Sebuah lagi dinding

di aras yang sama mengandungi gambaran pengisytiharaan kemerdekaan Tanah Melayu oleh Tunku Abdul Rahman manakala di aras lebar bawah, setiap tiang dihiasi dengan bendera dan jata negeri setiap negeri di Malaysia.

Di sebelah selatan stesen adalah Menara Warisan Merdeka KL 118 manakala di sebelah tenggara stesen adalah Stadium Merdeka di mana Tanah Melayu diisytiharkan merdeka daripada British pada 31 Ogos 1957. [WK]





Apam Balik Kuhot tular berjaya pikat pengunjung



Foto: SYUQQREE DAIN
DIANA AMIR

APAM balik merupakan makanan tradisi yang sememangnya digemari ramai sejak zaman-berzaman. Seiring masa, juadah ini juga turut melalui pembaharuan daripada pelbagai segi antaranya rasa.

Maka tidak hairanlah jika di luar sana, aneka perisa apam balik diperkenalkan dari semasa ke semasa bagi menepati cita rasa pelanggan yang sentiasa berubah-ubah.

Enggan ketinggalan dalam mempersembahkan juadah istimewa ini, usahawan francais Apam Balik Kuhot Putrajaya, **Nor Aziana Abd Khalil**, 36, tampil menawarkan 21 perisa apam balik untuk pelanggannya.

"Antara yang menjadi rebutan adalah perisa nutella, nutella oreo, peanut butter, chicken dan beef pepperoni selain perisa asli, pandan,

kaya dan sebagainya.

"Kita juga turut menyediakan inti savoury untuk memberi pilihan kepada pembeli mengikut cita rasa masing-masing," ujarnya pengunjung yang ingin menambah keju dikenakan bayaran sebanyak RM3.

Terletak bersebelahan Souq Shoppe @ Putrajaya yang merupakan antara lokasi wajib singgah pengunjung menjadikan apam baliknya pilihan paling popular dalam kalangan pelancong.

"Ramai pelancong luar yang tertarik untuk mencuba memandangkan kami menawarkan sebanyak 21 perisa selain harga mampu milik bermula RM2.20 sehingga RM15," ujarnya.

Berkongsi keistimewaannya, Nor Aziana berkata semua bahan utama dalam penghasilan apam balik tersebut merupakan air tangannya sendiri.

"Kita masak sendiri jagung, tak guna jagung tin. Apam balik ini tebal di bahagian tengah kerana perisa

yang diletakkan menjadikannya berat dan cukup untuk membuat pembeli kenyang walaupun hanya makan sekeping.

"Selain itu, ia juga mempunyai saiz tebal dan nipis, macam Apam Balik Kuhot ini saiznya kecil, ia rangup di luar namun rasa lembut di bahagian tengah," jelasnya yang mampu menjual sehingga 300 keping apam balik ketika hujung minggu.

Nor Aziana berkata Apam Balik Kuhot mempunyai 20 cawangan di seluruh negara antaranya di Perak, Selangor, Pulau Pinang, Kelantan dan Sarawak.

Dalam pada itu, dia turut menyimpan hasrat untuk membuka sebuah kafe apam balik Kuhot dengan menawarkan sebanyak 31 perisa apam balik dan pelbagai jenis minuman seperti yang ada di Ipoh, Perak.

"Semoga saya dapat memajukan Apam Balik Kuhot Putrajaya dan membuatkan warga semula setempat

mengenalinya memandangkan setakat ini hanya ada satu cawangan sahaja jelasnya.

NIAGA SAMBIL SEDEKAH

MENGGUNAKAN konsep bniaga sambil bersedekah, Nor Aziana dan suami tampil dengan idea menarik di mana apam balik percuma akan diberikan kepada pembeli yang berjaya menyambung bacaan ayat Al-Quran diberikan.

"Idea sambung baca ayat Al-Quran percuma satu apam balik ini kami praktikkan ketika di bazar Ramadan puasa lalu dan pernah menjadi tular serta mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai.

"Kebiasaannya kami akan tanya sama ada mereka hafiz Al-Quran atau tidak dan ayat akan diberikan mengikut tahap mereka. Jangan risau kita memang akan bagi sampai individu tersebut berjaya dapat apam balik

percuma.

"Ada juga yang datang secara berkumpulan dan kita berikan apam balik percuma besar selain mereka boleh pilih perisa sendiri," ujarnya yang menghargai kesungguhan pembeli yang berani menyahut cabaran. **WK**



Kios Masjid Putra, Presint 1,
Putrajaya (bersebelahan Souq
Shoppe)



(10 pagi hingga 8 malam)



@kuhotputrajaya



NOR AZIANA (kiri) bersama suami menunjukkan antara menu yang ditawarkan.



LOKASI EDARAN:



UTC
PUSAT TRANSFORMASI BANDAR

alamanda
SHOPPING CENTRE

STesen SENTRAL
Kuala Lumpur

TBS
TERMINAL BERSEPADU SELATAN

Universiti Kebangsaan Malaysia
The National University of Malaysia

iKKI
BUKA 24 JAM

ELEVEN

99 SPEEDMART

Akhbar mingguan WILAYAHKU juga boleh didapatkan di lokasi terpilih seperti di pejabat-pejabat kerajaan, masjid, surau, stesen minyak, restoran, premis perniagaan, stesen LRT/MRT serta banyak lagi lokasi tumpuan orang ramai.

wilayahku.com.my | Wilayahku | @akbarwilayahku | Wilayahku | WK.TV

PENGIKLANAN AKHBAR



MUKA PENUH
26 cm X 32 cm
RM7,500



SEPARUH MUKA
26 cm X 16 cm
RM5,500



SUKU MUKA
13 cm X 16 cm
RM4,500



PANEL BAWAH
26 cm X 6 cm
RM4,500

PENGIKLANAN DIGITAL



BANNER ATAS **RM3,000**



BANNER TENGAH **RM2,500**

BANNER
TEPI
RM2,500

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

03-8861 5260

Alamat:

YWP MEDIA SDN BHD (1304797-X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Elak jadi generasi terkurung

DR MOHD KHAIRUL NAIM CHE NORDIN

PERUBAHAN dan perkembangan teknologi telah mengubah corak kehidupan manusia. Ahli falsafah, Martin Heidegger telah merenungkan tentang wujud hubungan timbal balas antara teknologi dengan manusia itu sendiri. Di sini Heidegger berpandangan bagaimana teknologi moden telah menyebabkan wujudnya perasaan terasing (*alienation*) dalam diri manusia sendiri akibat kebergantungan terhadap teknologi.

Contohnya, media sosial mendorong kewujudan pesona diri yang ideal dan tidak mencerminkan identiti diri sebenar pengguna. Ia mewujudkan dua identiti yang kadangkala boleh berbeza sama sekali iaitu antara imej pengguna yang dipaparkan kepada umum di laman digital dan watak diri peribadi yang sebenar.

Selain itu, kaedah komunikasi secara digital yang menggantikan interaksi secara bersemuka telah menyebabkan berkurangnya hubungan emosi dan pemahaman dalam berinteraksi.

Ia berlaku apabila interaksi secara teks, emotikon dan mesej ringkas menggantikan perbualan secara langsung sehingga suatu yang dinyatakan secara humor boleh disalah fahami sebagai sendaan. Masa terlalu banyak yang dihabiskan di ruang maya juga boleh memisahkan individu dengan pengalaman secara fizikal di dunia sebenar.

Urbanisasi yang menatijahkan perkembangan pantas perbandaran juga merupakan faktor lahirnya generasi terkurung atau *indoor generation*. Mereka yang tinggal di bandar lebih cenderung, selesa atau hanya mampu mendiami apartmen, kondominium, flat atau ruang tempat tinggal yang lebih kecil.

Kawasan luar (*outdoor*) yang terbatas dan gaya hidup yang sibuk menjadikan mereka lebih memilih melakukan aktiviti seharian dalam kediaman masing-masing; sama ada daripada berinteraksi dengan rakan dan keluarga secara maya, belajar secara *virtual*, menonton rancangan penstriman tanpa henti sehinggalah bersenam di pusat gim tertutup.

Faktor lain ialah seperti perubahan cuaca ekstrem di bandar, termasuk pencemaran udara, bunyi dan lain-lain yang turut menyumbang kelahiran apa yang boleh disebut sebagai generasi terkurung.

Oleh itu, generasi terkurung yang dimaksudkan boleh dilihat pada dua aspek. Pertama, pada aspek pemikiran, di mana terasingnya jiwa peribadi dengan realiti dunia



KEBERGANTUNGAN kepada teknologi menyebabkan wujudnya perasaan terasing. - Gambar hiasan

sebenar lantaran wujudnya herotan dunia digital dan kedua, pada aspek gaya hidup yang terhasil daripada aspek pertama yang mempengaruhi sikap serta tingkah laku.

Lantaran itu, ia turut memberi kesan pada dua aspek iaitu kesejahteraan mental dan kesihatan tubuh badan di mana kedua-duanya juga saling berlaziman. Pada aspek mental, ia boleh menjelaskan kesejahteraan minda apabila wujudnya rasa keterasingan sosial seperti rasa sunyi dan terpencil.

Masalah kurangnya pendedahan pada alam semula jadi (*nature-deficit disorder*) khususnya pada kanak-kanak boleh meningkatkan tekanan dan kebimbangan pada mental. Alam semula jadi memberi kesan ketenangan kepada minda dan mampu memberi *mood* yang baik.

Banyak kajian menunjukkan kurangnya pendedahan terhadap alam sekitar boleh menyebabkan ketegangan pada minda serta terjejasnya kreativiti.

Aspek kesihatan pula boleh terjejas apabila kurangnya penerimaan vitamin D dari cahaya semula jadi matahari yang biasanya hanya boleh didapati di luar. Begitu juga kehidupan terkurung boleh mengganggu pernafasan dan menyebabkan alahan kerana keadaan udara dalam rumah yang tidak berkualiti disebabkan ventilasi dan sistem pengudaraan yang tidak baik.

Aspek lain seperti gaya hidup kurang aktif dan cergas boleh menyebabkan pelbagai

masalah seperti obesiti dan kardiovaskular.

Memilih untuk hidup secara terkurung sudah pasti suatu cara hidup di luar norma. Al-Quran dalam beberapa ayat sebaliknya menyeru manusia untuk keluar ‘berjalan di muka bumi’ bertujuan mencari rezeki, melihat kekuasaan serta keagungan penciptaan-Nya.

Ia seperti yang dinyatakan dalam surah Al-Mulk ayat 15 yang bermaksud: “*Dialah yang menjadikan bumi bagi kamu mudah digunakan, maka berjalanlah merata-rata ceruk rantaunya, serta makanlah dari rezeki yang dikurniakan Allah...*” Selain itu, keluar yang dimaksudkan tidaklah semestinya dengan perlu mengembala ke pelbagai tempat tetapi cukup dengan merenungi dan menghargai suasana alam sekeliling dan melihat bahawa setiap proses kejadian dan fenomena yang berlaku adalah terjadi di bawah takluk kuasa Allah yang Maha Bijaksana.

Ini seperti yang dinyatakan oleh Allah di dalam Ali ‘Imran ayat 190-191 yang bermaksud: “*Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, dan silih bergantinya malam dan siang terdapat tanda-tanda bagi orang-orang yang berakal. (Iaitu) orang-orang yang mengingat Allah sambil berdiri atau duduk atau dalam keadan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (seraya berkata) “Ya Tuhan kami, tiadalah Engkau menciptakan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari siksa*

neraka.”

Oleh itu, Islam menekankan amalan tafakur yang mengeluarkan manusia daripada minda terkurung penuh tekanan dan kegelisahan kepada amalan membabitkan pemikiran, emosi dan imaginasi aras tinggi. Ia dapat dicapai apabila hati langsung merenungi dengan mata hati kepada Pencipta dan bukannya lagi pada penciptaan dan proses keberlangsungannya.

Pada aspek amalan pula, ibadah dalam Islam bukanlah ibadah kerohanian yang dicapai melalui pertapaan dan pemutusan hubungan dengan dunia luar. Sebaliknya, ia menuntut kepada gerak laku secara bersama (berjemaah) dan mementingkan aspek sosial dan kemasyarakatan seperti yang boleh dilihat dalam solat berjemaah, ibadah haji dan kewajipan zakat.

Rasulullah SAW pula menunjukkan suri teladan mengajar umat baginda tentang kepentingan menghargai badan anugerah Allah, hidup secara bermasyarakat, saling membantu dan dalam masa yang sama tidak meninggalkan bangun malam bermunajat kepada-Nya.

Terdapat banyak hadis tentang galakan Nabi kepada umat untuk memanah dan berkuda (bersenam dan menyihatkan tubuh badan); memenuhi jemputan (hidup bermasyarakat) dan lain-lain. Antaranya adalah seperti yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim yang bermaksud, “*Hak seorang Muslim ke atas Muslim yang lain ada lima: Membalas salam, melawat orang sakit, mengiringi jenazah, hadir jemputan dan mendoakan orang yang bersin.*”

Rumusannya, corak hidup masa kini tidak dinafikan telah matijahkan lahirnya generasi terkurung.

Namun ia suatu pilihan dan boleh diubah. Pengamalan secara konsisten terhadap tuntutan ajaran Islam seperti di atas merupakan suatu solusi mengubah kehidupan seseorang daripada rasa sepi dan terkurung kepada rasa dihargai dan menghargai.

Dalam masa yang sama, penggunaan gajet yang berlebihan perlu dikawal dan jika mencapai takat ketagihan ia perlu diubati. Islam adalah agama fitrah dan mengamalkan ajarannya dengan itu mengembalikan semula kehidupan semula jadi fitrah manusia yang asali.

PENULIS merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

**DAPATKAN AKHBAR WILAYAHKU SECARA PERCUMA
DI LEBIH 500 LOKASI TERPILIH
DI KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA DAN LABUAN**

BERIKUT ANTARA LOKASI EDARAN AKHBAR WILAYAHKU:

KUALA LUMPUR - JALAN MAHARAJALELA / KL SENTRAL: DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA ■ IBU PEJABAT BOMBA WILAYAH ■ SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA BERHAD ■ KL SENTRAL ■ MIDA ■ JALAN CENDERASARI: KLINIK KESIHATAN TANGLIN ■ JABATAN KESIHATAN WILAYAH ■ JALAN RAJA LAUT: PEJABAT TANAH DAN GALIAN ■ KWSP JALAN RAJA LAUT ■ JALAN PAHANG: RUMAH PRIHATIN @ GRANDSEASONS ■ JALAN MASJID INDIA PT10BUSINESSCENTRE ■ KAMPUNG BARU: YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN ■ KAMPUNG BARU ■ PASARAYA ANGKASA ■ KEDAI RUNCIT MJ STORE ONE ■ KEDAI RUNCIT HAIRUL NZN ■ SABASUN HYPERUNCIT ■ PASAR MINI MEULUR SEJAHTERA ENTERPRISE ■ RESTORAN NASI LEMAK ANTARABANGSA ■ MINI CAFÉ URS ONE ENTERPRISE ■ WARUNG ISTANA MAJU ■ KEDAI RUNCIT STABLE KIOSK ■ WARUNG 19 ■ WARUNG NASI LEMAK WANJO ■ 7ELEVEN JALAN RAJA ALANG ■ KEDAI RUNCIT HARAPAN ABAH ENTERPRISE ■ KEDAI RUNCIT SINAR MAJU ■ 7ELEVEN STESEN LRT ■ JALAN TUN RAZAK: INSTITUT JANTUNG NEGARA ■ HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR ■ KLINIK KESIHATAN KUALA LUMPUR ■ PUSAT DARAH NEGARA ■ BERNAMA ■

PUTRAJAYA - PRESINT 1: MASJID PUTRAJAYA ■ PEJABAT PERDANA MENTERI ■ JABATAN AUDIT NEGARA ■ KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA ■ KEMENTERIAN ALAM SEKITAR & AIR ■ BIRO BANTUAN GUAMAN ■ SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM ■ KEM PEMBANGUNAN USAHAWAN & KOPERASI ■ JPM - PENGURUSAN HARTANAH ■ JABATAN KERJARAYA WILAYAH PERSEKUTUAN ■ PLAN MALAYSIA ■ JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA ■ KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA ■ KKM - PENGURUSAN PERUBATAN & PENYAKIT BERJANGKIT ■ KKM - KEJURUTERAAN ■ KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA ■ BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN ■ BAHAGIAN TEKNIKAL & VOKASIONAL ■ LEMBAGA PERPERIKSAAN MALAYSIA ■ IKATAN RELAWAN RAKYAT ■ KEMENTERIAN DALAM NEGERI ■ KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA ■ JABATAN PERKHIDMATAN AWAM ■ KEMENTERIAN SAINS TEKNOLOGI & INOVASI ■ SURUHANJAYA PEKHIDMATAN PERGURUAN ■ JABATAN DASAR & HUBUNGAN ANTARABANGSA ■ JABATAN WAKAF, ZAKAT & HAJI ■ JABATAN KERJARAYA - URUSAN BANGUNAN ■ PRESINT 2: KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN ■ JABATAN AKAUNTAN NEGARA ■

LABUAN - PINTU KELUAR AIRPORT ■ SAVEMORE SUPERMARKET ■ BATARAS HYPERMARKET ■ LABUAN GOLF INTERNATIONAL CLUB ■ SUPERMARKET LAYANGAN ■ FAMILY MARKET ■ MUZIUM CHIMNEY ■ PALM BEACH RESORT ■ MASJID AN NUR LAYANGAN ■ AIFA HOTEL ■ HOTEL PULAU LABUAN ■ TIARA HOTEL ■ HOTEL LABUAN POINT ■ LAZENDA HOTEL ■ MOTAC (SEASPORT KOMPLEKS) ■ KOMPLEKS KOMUNIKASI MULTIMEDIA MALAYSIA ■ HOSPITAL LAMA ■ BETA APARTMENT ■ LOBBY LFSA ■ LOBBY KERAJAHAN ■ DORSETT HOTEL ■ IBU PEJABAT POLIS LABUAN ■ MASJID NURUL IMAN ■ PASAR SENTRAL (UTC) ■ MENARA PL ■ MASJID NUR IMAN ■ WISMA PL BLOK A ■ WISMA PL BLOK B ■ PEJABAT KPE ■ TERMINAL LDA ■ KASTAM ■ JPJ ■ JABATAN AIR ■ SESB ■ IBU PEJABAT BOMBA RANCH-A-RANCH ■ MUZIUM BANDAR ■ MASJID SULTAN MUHAMMAD V ■ BALAI BOMBA KAMPUNG JAWA ■ MASJID AN NUR (BANDAR) ■ MASJID AL FALAH ■ HOSPITAL MEMBEDAI ■ 218JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT ■

MEDIA WARGA KOTA
WILAYAHKU



Masyarakat diseru pertahan negara dan hayati erti kemerdekaan



KHAIRUL IDIN

MASYARAKAT diseru mem pertahankan dan menghayati erti kemerdekaan dengan tindakan yang mampu menjadi benteng penjajahan bentuk baharu iaitu pemikiran, budaya dan ekonomi.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, **Rithuan Mohd Ismail** berkata perpaduan negara sering dicemburui oleh pihak luar dan sentiasa mendapat ancaman menerusi ledakan teknologi maklumat dan komunikasi masa kini.

"Rakyat Malaysia terutama ibu bapa di luar sana perlu memainkan peranan bercerita kepada generasi muda mengenai sejarah kemerdekaan dengan cara penyampaian yang kreatif agar tidak membosankan."

"Dengan pengetahuan yang disalurkan, pastinya akan terbit nilai patriotisme dan perjuangan memperoleh kemerdekaan," katanya.

Rithuan berkata demikian semasa merasmikan Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2023 Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan, baru-baru ini.

Tambah Rithuan, sambutan tersebut dilaksanakan bukan hanya bertujuan mencapai salah satu

petunjuk prestasi utama (KPI) semata-mata tetapi penglibatan dalam program sebegini merupakan kesinambungan daripada kisah perjuangan tokoh-tokoh terdahulu.

"Anggaplah apa yang kita laksanakan pada hari ini sebagai amanah besar yang perlu kita pikul bersama dalam perjuangan memperoleh kemerdekaan," katanya lagi.

Terdahulu, antara pengisian program tersebut adalah Senam Seni Merdeka, Aktiviti Berjalan 6,600 Langkah Merdeka, pameran agensi kerajaan, pemeriksaan kesihatan, pertandingan mewarna kanak-kanak dan pelepasan Konvoi Kembara Merdeka Jalur Gemilang.

WK



RITHUAN (lima dari kanan) mengibarkan Jalur Gemilang pada Majlis Pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang 2023 Peringkat Wilayah Persekutuan Labuan baru-baru ini.

RTM Labuan anjur program simulasi, tingkat kecekapan hadapi ancaman

BAGI meningkatkan kecekapan penyelarasan pengurusan dalam menghadapi situasi ancaman, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM Labuan) mengadakan Program Simulasi Dan Latihan Ancaman Keselamatan baru-baru ini.

Timbalan Pengarahnya, **Fauziah Mohd Sidek** berkata program tersebut diadakan sebagai latihan bagi memastikan semua pegawai dan kakitangan RTM Labuan serta agensi terlibat sentiasa bersiap siaga dalam mendepani sebarang ancaman.

"Ia dapat melatih kakitangan dalam melaksanakan tugas dengan lebih cekap, bersepadan dan berkesan sewaktu berhadapan dengan sebarang situasi ancaman keselamatan yang

tidak dijangka.

"Program ini juga bertujuan untuk menguji kecekapan penyelarasan pengurusan dalam mengambil tindakan dan membuat keputusan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh agensi keselamatan yang bertanggungjawab," katanya dalam satu kenyataan.

Fauziah berkata aspek keselamatan penghuni di agensi sasaran penting juga perlu diberi perhatian kerana mereka adalah aset jabatan yang amat berharga di mana mereka perlu memahami serta mengetahui tanggungjawab antara satu sama lain.

"RTM Labuan merupakan satu-satunya pusat penyiaran awam milik kerajaan yang juga merupakan sasaran penting sekali gus kawasan larangan

yang ada di pulau ini.

"Kami perlu komited dalam aspek keselamatan yang menjadi keutamaan bagi memastikan fungsi dan peranan utamanya tidak terjejas. Selain itu, RTM bersedia untuk berkolaborasi bersama-sama agensi berkaitan bagi mencapai matlamat tersebut," ujarnya.

Terdahulu, program itu turut melibatkan agensi keselamatan berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) Labuan, Jabatan Bomba Dan Penyelamat (BOMBA), Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan Perbadanan Labuan (PL).

WK



ANGGOTA polis membuat demonstrasi pemeriksaan bom di RTM Labuan pada Program Simulasi dan Latihan Keselamatan Ancaman baru-baru ini.



BARISAN pelajar SMK Ranch-Rancha yang dinobatkan sebagai johan pada Pertandingan Sketsa Rukun Negara.

Belia barisan utama, cerminan kekuatan negara masa hadapan

GOLONGAN belia perlu menjadi barisan utama untuk menyebarkan semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat yang tinggi disiplin dan cintakan negara.

Pengarah Jabatan Pendidikan Labuan, **Yusup Mohammad** berkata ia boleh bermula dengan menanam semangat kemerdekaan kepada ibu bapa dan ahli keluarga di rumah, seterusnya kepada rakan sebaya dan individu yang berada di persekitaran mereka.

"Kekuatan sebuah bangsa dan negara pada masa hadapan adalah kerana hebatnya golongan remaja pada zaman ini. Kemerdekaan negara ini perlu diteruskan oleh generasi yang berilmu agar negara bebas daripada pelbagai masalah serta mampu mengharungi pelbagai cabaran yang bakal mendarat.

"Generasi yang berilmu bakal membentuk sebuah masyarakat berminda kelas pertama dan mampu menyumbangkan tenaga ke arah pembangunan negara. Jadilah generasi yang mampu menjadi sandaran negara di masa hadapan," katanya semasa berucap pada Majlis Perasmian Pertandingan Sketsa Rukun Negara di sini, baru-baru ini.

Hadir sama Pengarah Jabatan Penerangan Labuan, Azman Sipan.

Yusup berkata Pertandingan Sketsa Rukun Negara amat relevan untuk disertai para pelajar sekolah.

"Ia mampu meningkatkan kesedaran dan kefahaman golongan belia tentang Sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan, memantapkan semangat patriotik, jati diri dan kesepadan nasional untuk menjadi warganegara yang bertanggungjawab."

"Prinsip dalam Rukun Negara jelas kunci kepada keharmonian dan perpaduan kaum demi kestabilan Malaysia, bertujuan menyemai nilai murni dalam kalangan masyarakat, nilai keagamaan, kesetiaan kepada raja dan negara, kepatuhan kepada perlembagaan dan undang-undang serta masyarakat yang sopan dan bertatasusila," katanya lagi.

Terdahulu, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Ranch-Rancha muncul johan pada pertandingan tersebut melalui sketsa bertajuk Konkuren Sarmosa. Mereka membawa pulang hadiah wang tunai RM2,000 dan sijil. WK

PERADUAN MEWARNA PM223



NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKID:

ALAMAT:

.....
.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.


CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM223".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah **19 OGOS 2023**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku Bilangan 225.

3 PENYERTAAN TERBAIK PADA
SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA
CENDERAHATI ISTIMEWA DARI PADA
YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN



TEKA SILANG KATA SK223



MELINTANG

1. Akhirat
5. Mengakui
7. Tidak mengandungi bahan kimia
9. Berdiri sendiri

KE BAWAH

1. Pakai seragam
2. Organ dalaman
3. Simbol kimia Aluminium
4. Jangkitan penyakit
6. Basah
8. Alat pemisah benang pada mesin tenun

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....
.....

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK223".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **19 OGOS 2023**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akhbar Wilayahku **Bilangan 225**.

3 PENYERTAAN TEPAT & TERAWAL
SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA
CENDERAHATI ISTIMEWA DARI PADA
YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN



BaKaT Cilik



Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi **WILAYAHKU TV**.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada:
wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.

KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 221

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM221:

ADELIA ZAHRA MOHD RADZI
(9 tahun)
Presint 17, Putrajaya

MUHAMMAD AIMAN SOLIHIN
(12 tahun)
Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur

AFIQ MIKHAEL ABDUL RAHIM
(10 tahun)
Sabak Bernam, Selangor



Karya Adik Adelia Zahra

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK221:

FATIMAH KASIRAN DASUKI
(49 tahun)
Semenyih, Selangor

MOHD RANI ABDUL KARIM
(53 tahun)
Wangsa Maju, Kuala Lumpur

RAISYA AMEERA BUDIMAN
(28 tahun)
Wilayah Persekutuan Labuan





Pro Tech Fishing Shop 'syurga' buat kaki pancing di Labuan



KHAIRUL IDIN

KEBIASAANNYA bagi mereka yang gemar memancing, aktiviti tersebut mampu memberi ketenangan setelah penat sehari-hari bekerja. Malah hobi yang satu ini dikatakan mampu mendidik sifat sabar kerana kadang-kadang mereka terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan hasil tangkapan.

Sudah tentunya bagi yang menyukai aktiviti ini, pasti ingin melengkapi hobi tersebut dengan alatan memancing. Jadi, tidak hairanlah, kedai peralatan memancing sering menjadi tumpuan kaki pancing.

Bagi yang berada di Labuan, kedai Pro Tech Fishing Shop yang terletak di Medan Selera, Tanjung Purun adalah syurga kelengkapan memancing yang semakin terkenal di pulau tersebut.

Diusahakan oleh **Mohammad Hafizul Nizam Mazlan**, sebelum membuka kedai tersebut pada penghujung tahun 2022, dia hanya

berniaga secara kecil-kecilan sahaja.

"Pada permulaannya saya hanya bermula dari rumah dan setelah dikenali barulah saya berani untuk membuka kedai joran di mana kedai Pro Tech Fishing Shop lebih kepada menjual joran yang sesuai dengan air masin.

"Antara joran yang terdapat di sini *jigging, popping, bottom* dan *casting* tetapi saya lebih kepada joran yang sesuai dengan air masin kerana kawasan di sekeliling ini air laut.

"*Alhamdulillah*, setakat ini perniagaan sangat memberangsangkan walaupun saya baru sahaja membuka kedai fizikal ini tidak sampai setahun," katanya ketika ditemui *Wilayahku* baru-baru ini.

Tambahnya lagi, selain menjual peralatan memancing, dia turut menawarkan perkhidmatan membaiki mesin pancing dan joran dengan harga yang sangat berpatutan.

"Jika ada pelanggan yang ingin mendapatkan khidmat membaiki dan servis mesin pancing dan joran



bolehlah mendapatkan khidmat itu di sini. Proses tersebut saya lakukan sendiri memandangkan ketika ini saya belum ada pekerja yang mahir.

"Ia perlu dilakukan secara teliti agar mesin pancing dan joran dapat berfungsi dengan baik sekali gus memberikan kepuasan kepada pelanggan," katanya mengakui sering kali tidak menang tangan.

Berterita lanjut mengenai perniagaannya, Hafizul berkata dia turut menyediakan khidmat sewa kayak dan bot kepada mereka yang ingin memancing di laut dengan harga RM80 sehari bermula 7 pagi sehingga 5 petang.

"Untuk sewaan bot pula, kami tawarkan dua jenis iaitu ptone bersaiz 23 kaki panjang dan tujuh kaki lebar. Bagi yang jenis pttwo pula bersaiz 28 kaki panjang dan lapan kaki lebar.

"Kadar sewaan bot ptone adalah RM750 untuk lima pemancing dan bagi bot pttwo bermula RM1,200 untuk lapan pemancing. Sementara

sewaan per individu kadar yang dikenakan adalah sebanyak RM150," ujarnya antara kawasan memancing adalah Samarang, Sumandak dan Vernon Bank.

CIPTA JENAMA SENDIRI, ANJUR PERTANDINGAN

MENGULAS lanjut mengenai perancangan pada masa akan datang, Hafizul memberitahu dia berkeinginan untuk memperkenalkan peralatan memancing jenamanya sendiri sekali gus mencipta nama.

"Harapan saya satu hari nanti dapat keluarkan alat memancing jenama sendiri seperti joran, tali, umpan dan aksesori yang lain. *Alhamdulillah* setakat ini, saya telah pun berjaya mengeluarkan umpan tiruan jenama sendiri iaitu Pro Tech.

"Rata-rata mereka yang menggunakan produk keluaran saya memberi maklum balas yang memberangsangkan dari segi mutu ketahanan selain menepati kemauan mereka," katanya.

Tambahnya, dia turut menganjurkan pertandingan

016-749 9466

Medan Selera,
Tanjung Purun, Labuan

Isnin - Khamis:
8 pagi hingga 6 petang
Jumaat - Ahad:
9 pagi hingga 6 petang

Pro Tech Fishing
Shop Labuan

memancing dan berkayak pada Mac lalu sebagai untuk mengerakkan hubungan silaturahim antara pemancing di Labuan.

"Sambutan yang diterima luar biasa kerana turut disertai pemancing dari Brunei. *Insya-Allah* selepas ini saya akan menganjurkan pertandingan memancing pesisir pantai pula," katanya. WK



HAFIZUL bersama alatan pancing yang dijual di kedainya.



SABRINA SABRE

SATU Operasi Sampah Bungkus bertempat di Pangaspuri Putra Harmoni, Presint 9, Putrajaya dilaksanakan oleh pihak SWCorp Wilayah Persekutuan dalam usaha membanteras masalah pembuangan sampah.

SWCorp Wilayah Persekutuan berkata operasi ini dilaksanakan atas permintaan Pihak Perbadanan Pengurusan Pangaspuri Putra Harmoni (MC) bagi membanteras isu pembuangan sampah di hadapan kawasan lif dan laluan tangga di tiga blok bangunan.

"Masalah menjadi bertambah runcing kerana sampah-sampah tersebut dibuang oleh warga asing yang tinggal di sini.

"Selain daripada membasmi sampah yang dibuang merata-rata tempat oleh penduduk, operasi ini juga akan membantu mengubah sikap semua penduduk dalam menggunakan tiga buah rumah sampah yang telah dibaik pulih oleh pihak MC dengan kerjasama SWCorp dan Alam Flora Sdn Bhd (AFSB)," katanya menerusi satu kenyataan media.

SWCorp Wilayah Persekutuan memaklumkan operasi tersebut dilaksanakan di tiga buah blok dan melibatkan keseluruhan enam tingkat yang mana tingkat terlibat adalah Tingkat 9, blok A; Tingkat 5, 8 dan 9, Blok C serta Tingkat 6 dan 7, Blok D.

"Bilangan premis terlibat pula adalah sebanyak 198 buah dan hampir 90 peratus premis di tingkat ini didiami warga asing.

Operasi Sampah Bungkus: 264 kg sampah warga asing dikumpul



PENDUDUK Pangaspuri Putra Harmoni bergotong-royong membersihkan sampah yang ditinggalkan di hadapan kawasan lif dan laluan tangga.

"Seramai 122 orang penduduk telah diarahkan keluar dari premis masing-masing dan mengangkut sampah yang ditinggalkan mereka ke rumah sampah serta membuat pembersihan di laluan premis setiap tingkat," ujarnya selain MC, SWCorp turut mendapat bantuan dan kerjasama dari Polis Diraja Malaysia (PDRM), Perbadanan Putrajaya (PPj), Unit Vektor, Pejabat

Kesihatan Daerah (PKD) dan AFSB. Tambahnya, pekerja AFSB turut sama membantu di setiap tingkat sehingga ke rumah sampah dan sebanyak 264 kilogram (kg) telah berjaya dibawa turun semasa operasi ini.

"Untuk makluman, pihak MC telah diminta untuk tidak membersihkan dan mengangkut keluar sampah selama tiga hari

sebelum operasi di tingkat-tingkat tersebut," ujarnya jet air juga dibawa ke setiap tingkat terlibat untuk membersihkan laluan hadapan premis selain peralatan lain seperti penyapu, penyodok sampah, plastik sampah dan peluntur.

Di samping itu, katanya ini merupakan operasi pertama yang seumpamanya dilaksanakan di

kediaman bertingkat di Putrajaya.

"Semua MC dan Badan Pengurusan Bersama (JMB) bagi kediaman bertingkat di Putrajaya dan Kuala Lumpur adalah diingatkan untuk mematuhi Peraturan Pengasingan Sisa Pepejal yang berkuat kuasa sejak 2015, di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672).

"Pihak MC dan JMB juga perlu memastikan semua penduduk melaksanakan pengasingan sisa pepejal dan infrastruktur bagi mengutip dan melupus sisa domestik serta kitar semula dibuat dengan sempurna," jelasnya. Jentera operasi ini adalah melibatkan seramai 160 orang iaitu 43 orang penguat kuasa daripada SWCorp, 10 orang (PDRM), 18 orang (PPj), 39 orang (MC) dan 42 orang (AFSB).

Dalam pada itu, pihak SWCorp Wilayah Persekutuan turut memberitahu bahawa mereka akan mula mengenakan denda ke atas MC, JMB serta penduduk yang tidak mengikut peraturan ini bermula Januari 2024.

"Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami di talian **03-2245 9292 / wp@swcorp.my** untuk semakan kediaman bertingkat anda sebelum denda mula dilaksanakan," ujarnya. WK

Terokai keajaiban Dataran Rakyat, spot lepak terbaru di Putrajaya

TERLETAK di Presint 4, Putrajaya, Dataran Rakyat merupakan antara spot relaks baru untuk bersantai dan berehat serta sesuai bagi aktiviti riadah bersama keluarga, mahupun tempat pertemuan program sukan secara berkumpulan seperti zumba dan sebagainya.

Motif tempatan pada siar kaki dan elemen landskap kejur di Dataran Rakyat sedia ada mengetahui konsep Melayu seperti corak batik, tempayan

dan sebagainya. Malah ia ditambah baik dengan pencahayaan neon pada waktu malam yang menerangi kawasan tersebut dengan lampu berwarna-warni.

Waktu malam adalah masa yang paling cantik di mana pengunjung diberi pengalaman seolah-olah melangkah ke taman rahsia dan berpeluang meneroka keajaiban alam semula



PENCAHAYAAN neon menambah keindahan panorama pada waktu malam.

jadi dengan keindahan kerlipan lampu sekali gus menghadiahkan suasana yang memberi kedamaian dan ketenangan.

Perbadanan Putrajaya amat menitikberatkan penjagaan kawasan landskap dan taman awam di mana pemandangan dan karakter keseluruhan pusat pentadbiran kerajaan yang menarik dan selesa membantu meningkatkan kualiti hidup penduduk warganya. WK

Bengkel Penulisan 2023

26 & 27 Ogos 2023
(Sabtu & Ahad)

9.00 Pagi - 5.00 Petang

Bilik Permainan,
Kompleks Kejiranan Presint 11,
Putrajaya

Yuran Pendaftaran
RM 50 * Terbuka kepada ahli PPK yang berumur 18 Tahun dan ke atas

Terhad Kepada Orang Posesia 30

Imbas QR Kod untuk Pendaftaran atau Sila Layari <http://tiny.cc/bengkelpenulisan2023>

Azam peroleh biasiswa sukan

Hazim mahu baiki ranking skuasy dunia

DIANA AMIR

KOMITED dalam membaiki ranking dunia sebagai pemain skuasy profesional junior, Muhammad Hazim Mukhizam, 16, berharap dia berjaya mendapat biasiswa sukan untuk menimba ilmu sekali gus mendapat pendedahan di pentas kejohanan antarabangsa.

Baru sahaja dinobatkan juara dalam Majlis Sukan Sekolah Wilayah Persekutuan (MSSWP) Putrajaya 2023 lalu, Muhammad Hazim berkata dia sudah berdaftar di bawah Professional Squash Association (PSA) sebagai pemain profesional junior pada awal tahun 2023.

"Ranking saya yang terkini adalah di nombor 22 bagi kategori BU17 dan saya akan perbaiki lagi sehingga mencapai satu tahap yang lebih baik. Oleh kerana itu, saya menyimpan hasrat untuk mendapatkan biasiswa sukan bagi melanjutkan pelajaran di luar negara dan berpeluang menimba ilmu dengan jurulatih profesional."

"Di samping itu, ia juga membuka peluang buat saya untuk menyertai lebih banyak kejohanan profesional," ujarnya yang



AKSI Muhammad Hazim (kanan) di CIMB 12th National Junior Circuit 2nd Leg Kuching 2023.

bercita-cita untuk bergelar pemain skuasy hebat.

Berkongsi mengenai perkembangan terbaharunya, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Putrajaya Presint 11(2) itu berkata pertandingan seterusnya adalah Kejohanan Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) 2023 yang akan berlangsung di Ipoh, Perak pada

penghujung Ogos ini.

"Antara persediaan saya adalah dengan menjaga kesihatan diri, meningkatkan stamina serta sesi latihan *private 1 to 1* bersama jurulatih sekolah dan juga daripada Persatuan Skuasy Wilayah Persekutuan Putrajaya.

"Selain itu, saya akan menyertai latihan pusat skuasy untuk MSSM

di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia," katanya yang sudah menceburii bidang skuasy sejak berusia 10 tahun.

Dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Murid Cemerlang Sukan Kategori Sekolah Menengah (Lelaki) daripada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya Februari lalu, Muhammad Hazim

Pencapaian Muhammad Hazim

2023 - MSSWP Putrajaya - Emas

2023 - 2nd SRAP Closed Ace on Base Championship - Emas

2023 - CIMB National Junior Circuit 2nd Leg Kuching - Tempat ketujuh

berkata ia merupakan pembakar semangat buat dirinya untuk melakukan yang lebih baik pada masa akan datang.

"Sangat terharu dan bangga kerana terpilih untuk anugerah ini tambahan pula calon lain juga hebat. Walau bagaimanapun, ia menjadi penyuntik semangat buat saya untuk meningkatkan lagi pencapaian dalam sukan skuasy terutama di pentas antarabangsa.

"Selain itu, Februari lalu juga saya telah menerima Anugerah Khas Pemain SRAPPutrajaya daripada pihak Persatuan Skuasy Wilayah Persekutuan Putrajaya dan anugerah tersebut adalah untuk menghargai semua pencapaian saya di dalam skuasy serta akademik," kongsinya yang teruja dan bangga dengan pencapaian dimilikinya pada usia 16 tahun. WK

JWP, MSWP sumbang Bantuan Madani kepada 83 badan sukan KL, Putrajaya

SABRINA SABRE

JABATAN Wilayah Persekutuan (JWP) menerusi Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) menyampaikan Bantuan Madani Kepada Badan Sukan Kuala Lumpur dan Putrajaya Bagi Tahun 2023 berjumlah RM278,000 merangkumi keseluruhan 83 badan sukan.

Menurut Ketua Pengarah JWP, Datuk Seri Rosida Jaafar, bantuan yang dihilurkan pada setiap tahun itu diberikan kepada badan sukan yang berdaftar dan bergiat aktif di Kuala Lumpur, Putrajaya dan juga di Labuan bagi membantu kelancaran operasi pengurusan persatuan sukan.

"Untuk makluman, Bantuan Madani juga akan disampaikan kepada 25 badan sukan di Labuan pada 19 Ogos ini dengan jumlah bantuan sebanyak RM70,000.

"Secara keseluruhannya, pada tahun ini terdapat penambahan sebanyak 14 badan sukan yang baharu disenaraikan bagi menerima Bantuan Madani berdasarkan laporan dan prestasi semasa badan sukan terbabit," katanya kepada pemberita selepas Majlis Bantuan Madani Kepada Badan

Sukan Kuala Lumpur dan Putrajaya Bagi Tahun 2023 yang berlangsung di Dewan Serbaguna JWP baru-baru ini.

Dalam masa sama, Rosida turut melancarkan Anugerah Penarafan Bintang Badan Sukan Wilayah Persekutuan yang bakal menjadi mekanisme kepada penilaian pencapaian badan sukan di Wilayah Persekutuan daripada aspek tadbir urus selaras dengan Akta

Pembangunan Sukan 1997.

"Selari dengan Pelan Strategik MSWP yang menekankan *good governance* atau tadbir urus badan sukan yang lebih efisien, inisiatif MSWP ini diharap dapat mendorong badan sukan supaya mengamalkan tadbir urus yang lebih efisien dan berkesan dalam membantu pembangunan sukan di Wilayah Persekutuan," tambah beliau. WK



ROSIDA (tengah) menyampaikan Bantuan Madani kepada salah seorang wakil badan sukan pada Selasa.

Kenanga Man of Steel Triathlon 163 setara Sukan Olimpik, Ironman

KENANGA Man of Steel Triathlon 163 yang pertama kali dianjurkan di negara ini merupakan cabaran bertaraf antarabangsa yang menawarkan kesimbangan jurang jarak antara Sukan Olimpik serta Ironman bagi tiga disiplin sukan iaitu berenang, berbasikal dan berlari.

Ketua Urus Niaga dan Perniagaan Institusi, Chan Tuck Kiong berkata penganjuran Kenanga Man of Steel Triathlon 163 yang berlangsung pada 5 dan 6 Ogos lalu dibawakan khas oleh Kenanga Investment Berhad.

"Jika jarak berenang untuk Sukan Olimpik adalah 1.5 kilometer (km) serta 3.8km untuk Ironman, jarak bagi Kenanga Man of Steel Triathlon 163 adalah 3km. Acara berbasikal pula menyaksikan Kenanga Man of Steel Triathlon 163 menawarkan cabaran kayuhan sejauh 130km berbanding 40km untuk Olimpik serta 180km bagi Ironman."

"Manakala bagi acara larian pula, Kenanga Man of Steel Triathlon 163 menetapkan jarak 30km berbanding 10km untuk Olimpik dan 42km bagi Ironman."

"Dengan pembaharuan ditawarkan oleh Kenanga Man of Steel Triathlon 163, ia diharap dapat memberikan kepuasan maksimum kepada peserta tempatan serta antarabangsa yang selama ini mungkin menyimpan impian untuk cuba mencabar diri masing-masing, sama seperti atlet profesional yang beraksi di Olimpik dan Ironman," jelasnya pemilihan lokasi Kompleks Sukan Air Putrajaya adalah kerana ia mampu memenuhi cabaran berenang, berbasikal serta berlari.

Beliau berkata cabaran triathlon itu menawarkan lapan kategori peringkat umur secara keseluruhan dan terdapat kategori terbuka yang berusia 18 tahun ke atas.

Untuk maklumat lanjut boleh layari <https://www.ticksweats.com/upcoming-events/kenanga-man-of-steel-triathlon-163>. WK

Hazim muh
baiki ranking
skuasy dunia

►23

Sambutan Hari Kebangsaan, Hari Malaysia 2023

DBKL sedia pelbagai aktiviti menarik

HAZIRAH HALIM

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyediakan pelbagai program dan aktiviti menarik bagi menyemarakkan Sambutan Hari Kebangsaan yang ke-66 pada 31 Ogos dan Hari Malaysia pada 16 September bagi peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2023.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Sr Kamarulzaman Mat Salleh berkata program tersebut khusus buat warga kota dan pelancong antarabangsa antaranya Kempen Kibar Jalur Gemilang (31 Julai), Kembara Merdeka Jalur Gemilang (4 dan 5 Ogos), KL Car Free Morning Edisi Khas Merdeka (6 Ogos) dan Karnival Bola Sepak Perumahan DBKL @ DBKL Home Cup 2023 edisi kedua yang akan berlangsung sepanjang bulan Ogos dan September.

"Selain itu, DBKL turut menyediakan pertandingan mewarna pada 13 Ogos ini di Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur, Program Derma Darah di lobi Menara DBKL 3, Jalan Raja Abdullah pada 16 Ogos dan Konser Ambang Merdeka di Dataran Merdeka pada 30 Ogos nanti," kata beliau.

Beliau berkata demikian ketika menyempurnakan pada Majlis Penyerahan Jalur Gemilang Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) di perkaranan Lobi Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut pada Isnin.



KAMARULZAMAN (jiran dari kiri) bersama warga kerja DBKL dan tetamu jemputan pada Majlis Penyerahan Jalur Gemilang peringkat WPKL di Lobi Menara 1 DBKL pada Isnin.

Pada majlis tersebut, sebanyak 32,500 bendera pelbagai saiz diserahkan kepada wakil agensi kerajaan, sekolah, Institusi Pengajian Tinggi, badan bukan kerajaan (NGO), Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) serta Persatuan Penjaja dan Peniaga.

"3,000 bendera Jalur Gemilang turut dipasang di jalan-jalan utama sekitar Kuala Lumpur seperti Jalan Sultan Ismail, Jalan Parlimen, Jalan Kuching, Jalan Tun Razak, Jalan Tunku Abdul Rahman dan jalan-jalan lain.

"Pemasangan bendera gergasi, billboard dan gegantung juga telah

diselaraskan di Menara DBKL 1, 2 dan 3 termasuk fasiliti DBKL yang lain seperti pusat-pusat komuniti, kompleks sukan, taman-taman dan sebagainya demi menyemarakkan sambutan berkenaan," ujar beliau yang turut memasang Jalur Gemilang pada kenderaan milik DBKL dan 15 orang penyedia perkhidmatan e-hailing merangkumi pemandu taxi dan penghantar makanan.

Dalam pada itu, bagi merancakkan lagi sambutan tahun ini, beliau memberitahu menerusi Kempen Kibar Jalur Gemilang sebelum ini, DBKL turut mengedarkan surat pekeliling

kepada 180 pemilik bangunan di pusat bandar untuk mengibarkan Jalur Gemilang dan menerangi bangunan dengan lampu hiasan di premis milik masing-masing.

"Saya berharap usaha kecil ini dapat menanam semangat kemerdekaan dan jati diri yang disemaikan dalam kalangan warga kota di samping bersama-sama memeriahkan dua sambutan hari yang penuh bermakna ini selaras tema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia tahun ini iaitu Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan," kata beliau.

DBKL juga turut mempamerkan

- PROGRAM KEMERDEKAAN DBKL**
- Kempen Kibar Jalur Gemilang (31 Julai 2023)
 - KL Street Jam (5 Ogos 2023)
 - Program KL Car Free Morning Edisi Khas Merdeka (6 Ogos 2023)
 - Karnival Bola Sepak Perumahan DBKL @DBKL Home Cup 2023 (Sepanjang bulan Ogos dan September)
 - Pertandingan Mewarna di Stadium Titiwangsa, Kuala Lumpur (13 Ogos 2023)
 - Program Derma Darah di Lobi Menara DBKL 3, Jalan Raja Abdullah (16 Ogos 2023)
 - Konsert Ambang Merdeka di Dataran Merdeka (30 Ogos 2023)

mesej Sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia di paparan LED Menara DBKL 1, LED Dataran Merdeka, LED Swasta dan paparan Variable Message Signboards (VMS) sekitar Kuala Lumpur.

Orang ramai juga boleh membeli bendera Jalur Gemilang di Kounter Bayaran Jabatan Kewangan DBKL dengan harga RM12 seunit. **WK**

"Saya tak mahu lagi hidup dalam dunia glamor" - Masya Masyitah

DEEL ANJER

SEJAK kebelakangan ini, isu artis mengambil keputusan tidak mengenakan hijab sering menjadi perdebatan hangat dalam kalangan netizen memandangkan mereka ini golongan yang popular dan menjadi ikutan.

Tindakan mereka mengundang cemuhan dan tidak kurang juga ada yang mendoakan agar mereka kembali ke jalan kebaikan semula yang direday Allah SWT.

Terbaru, tular di laman sosial apabila pendakwah bebas terkenal, Wadi Annuar memberi kenyataan dan nasihat berkenaan isu tersebut.

"Memang hak (yang) pakai tudung pun tak semua tentu baik. Betul. Tapi

kalau mati dua orang ni, seorang pakai tudung, seorang lagi tidak. Kita tak tahu amalan depa di belakang, hak tak pakai ni confirm disejka oleh Allah," katanya memberi pendapat di laman sosial TikTok.

Biarpun kenyataan tersebut secara umum dan tidak ditujukan kepada sesiapa namun ramai yang mengaitkannya dengan penyanyi remaja, **Masya Masyitah**.

Umum mengetahui, Masya merupakan antara artis yang mengambil keputusan untuk tidak lagi memakai hijab baru-baru ini.

Tidak tahan dengan kecaman netizen, akhirnya Masya tampil bersuara sekali gus menegaskan bahawa keputusan untuk melepaskan hijab adalah atas kerelaannya sendiri.

Masya atau nama penuhnya Siti Nurmasyitah Mohd Yusoff, 24, menjelaskan keputusan tersebut juga tidak dipengaruhi oleh mana-mana individu termasuk bapanya sendiri.

"Siapa kata ayah saya tanggung? Sendiri buat, sendiri tanggunglah. Kenapa orang lain pula menanggung (dosa) pula?" katanya dalam siaran langsung TikTok baru-baru ini.

Dia yang popular menerusi lagu Halimunan itu juga menegaskan ingin hidup bebas dan enggan lagi terabit dalam dunia selebriti.

"Saya nak hidup bebas dan tak mahu lagi menjadi artis. Tak mahu lagi hidup dalam dunia glamor. Orang kata saya sendu, ya, saya mahu jadi begitu. Sekarang nak jadi orang biasa sahaja dan berehat," jelasnya ringkas. **WK**

